

# Laporan ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR **AKNC**





# LAPORAN ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR (AKNC)

2023

FAKULTI PERUBATAN

PENYELIDIKAN & PENERBITAN DAN  
PENGKOMERSILAN

---

**KETUA PTJ :**

FAZAH AKHTAR BINTI HANAPIAH

**KETUA UNIT KUALITI :**

MUHAMMAD HUZAIMI BIN HARON

**PENYELARAS :**

MUHAMMAD HUZAIMI BIN HARON

**PENULIS :**

1. ROHANA BINTI ABDUL GHANI
2. THUHAIRAH HASRAH BINTI ABDUL RAHMAN
3. MUHAMMAD HUZAIMI BIN HARON
4. NURUL HANIS NATASHA BINTI ZOLHAINAN
5. NUR SAFFAWATI BINTI IBRAHIM
6. SITI AMYLESZA BINTI RAZALI
7. NOOR AZHAR BIN MD SAAD

## **KRITERIA 1 : KEPIMPINAN**

### **1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Kepimpinan Fakulti Perubatan diterajui oleh Dekan dan dibantu lima (5) orang Timbalan-timbalan Dekan yang menjaga porfolio Hal Ehwal Akademik, Hal Ehwal Pelajar, Pasca Siswazah dan Latihan Ikhtisas, Penyelidikan dan Inovasi serta Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni. Pengurusan fakulti telah merancang hala tuju berkenaan penyelidikan berpandukan perancangan strategik penyelidikan universiti. Perancangan akan diadakan semasa Mesyuarat Pengurusan Fakulti agar keputusan yang dibuat mendapat pandangan dari semua pengurusan fakulti.

Timbalan Dekan (Penyelidikan & Inovasi) telah diberi tanggung jawab untuk melaksanakan setiap perancangan yang telah dipersetujui oleh pengurusan fakulti. Hala tuju penyelidikan dan penulisan Fakulti Perubatan adalah berpandukan kepada inti pati keperluan dan halatuju universiti melalui Amanat Naib Canselor, Amanat Tahunan Rektor serta pekeliling-pekeliling universiti. Perancangan Penyelidikan dan Penerbitan dirangka selaras dengan Visi, Misi, Objektif dan Nilai Universiti.

## **1.2 PENDEKATAN (APPROACH)**

Kepimpinan Fakulti Perubatan (FPR) telah merancang secara sistematik aktiviti yang akan dijalankan sepanjang tahun bagi memastikan Fakulti Perubatan mencapai Key Performance Indicator (KPI) penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan.

Perancangan kepimpinan Fakulti Perubatan adalah selaras dengan perancangan universiti .Perancangan dibuat dengan mengambil kira keperluan-keperluan Rancangan Malaysia Ke-Sebelas (RMK11 ), Transformasi Sistem Pendidikan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (TSPPPM) 2015-2025, dan UNESCO Education Strategy 2014-2021. Perancangan utama Fakulti Perubatan dalam menjayakan keberhasilan penyelidikan dan penerbitan adalah dengan menyediakan struktur tadbirurus yang berkesan .Perancangan juga dibuat dalam mesasarkan pencapaian pendidikan berkualiti tinggi dengan memperkasakan penyelidikan melalui pendekatan Translational, Interdisiplinari dan Multidisiplinari(PTIM) (Amanat VC 2017).

Pejabat Timbalan Dekan Penyelidikan & Inovasi bertanggung jawab dalam pengurusan penyelidikan di Fakulti Perubatan.Timbalan Dekan Penyelidikan juga bertanggungjawab bagi unit-unit fasiliti penyelidikan di fakulti seperti LACU dan NEURON. Terdapat juga jabatan yang mempunyai fasiliti penyelidikan iaitu IMMB yang berfungsi sebagai sebuah jabatan dan diketuai oleh seorang pengarah.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0040\\_K01\\_KB02\\_20231\\_carta organisasi.pdf](#)
2. [F0040\\_K01\\_KB02\\_20232\\_FPR - PENDEKATAN.pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.

### **1.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)**

Bagi mencapai objektif dan inisiatif strategi yang dirancang, kepimpinan Fakulti Perubatan melaksanakan beberapa aktiviti yang dijadikan berfokuskan kepada petunjuk prestasi utama. Kepimpinan FPR komited dalam mempastikan segala keperluan sumber mencukupi dalam menjalankan aktiviti-aktiviti yang berkaitan.

Pejabat Penyelidikan dan Inovasi dipimpin oleh Timbalan Dekan P&I merancang membudayakan penyelidikan dan penulisan dengan menyediakan anugerah Penyelidik Terbaik dan Penerbitan Terbaik berdasarkan beberapa kategori khas secara tahunan. Selain daripada itu, inisiatif galakan penyelidikan dan penerbitan juga dijalankan oleh Bahagian P&I dengan menguar-uarkan kejayaan dana penyelidikan yang diperolehi dan juga penerbitan-penerbitan di jurnal berimpak tinggi melalui email dan juga diumumkan semasa mesyuarat staf akademik (Mesyuarat Fakulti). Inisiatif ini boleh meningkatkan motivasi staf untuk terus mempergiatkan diri dalam penyelidikan dan penerbitan dan seterusnya menyumbang kepada keberhasilan bidang tersebut.

FPR merancang untuk melaksanakan penyelidikan berteraskan translational, interdisiplinari dan juga multididiplinari. Sehagian P&I dipertanggungjawabkan untuk membuat bengkel-bengkel penyelidikan yang memberi penekanan kepada penglibatan berbagai disiplin dalam sesuatu projek penyelidikan. Pendekatan ini akan membantu kepada kepelbagaian hasil penyelidikan yang berintegrasi dan seterusnya memberi manfaat kepada pengguna dengan lebih meluas. Bengkel-bengkel ini juga berfungsi untuk mempertingkatkan kecemerlangan bakat penyelidik dan penulis melalui pendedahkan kepada kemahiran penyelidikan dan penulisan yang terkini. Program-program yang dijalankan tidak hanya melibatkan aliran kepakaran dalaman sahaja. Kepakaran dari luar dan peringkat antarabangsa juga dilaksanakan dengan menjemput pakar-pakar penyelidik dari dalam dan luar negara untuk berkongsi maklumat dan "skillset" terkini melalui program-program penganjuran persidangan peringkat antarabangsa serta pertandingan inovasi di FPR.

#### **SENARAI BUKTI :**

- 1.
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **1.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Pemantauan dibuat mengikut perancangan pemantauan yang diperjelaskan diatas. pemantauan juga di buat melalui sistem pelaporan oleh setiap ketua jabatan. Segala hasil penemuan di analisis, disemak semula dan dibincangkan di dalam mesyuarat-mesyuarat pengurusan FPR. Petikan dari mesyuarat yang memerlukan tindakan segera akan terus di hantar kepada bahagian atau unit untuk diambil tindakan dengan segera. Sistem penghantaran petikan ini di pertanggungjawabkan kepada setiasuah mesyuarat dan hasil dari perlaksanaan sistem ini, semua tindakan akan mudah dikawal dan dipantau oleh pihak pengurusan FPR. Sistem pelaporan yang sistematik juga digunakan dimana penyelidik dikehendaki membuat laporan secara interim mengenai tahap capaian penyelidikan termasuklah penerbitan yang dibuat hasil daripada penyelidikan. Hasil pemantauan ini dijadikan sebagai ukuran pencapaian dan instrumen untuk memeriksa dan menilai tahap produktiviti bahagian atau unit serta bertujuan untuk mengenalpasti permasalahan yang memungkinkan menjadi penghalang kepada keberhasilan penyelidikan dan perundingan.

Hasil dari aktiviti-aktiviti pemantauan, tindakan pembetulan dan penambahbaikan dibuat dengan segera bagi mengelakan permasalahan menjadi semakin teruk dan berpanjangan. Program-program mitigasi risiko dijalankan bagi mengelakkan risiko terhadap ketidakberhasilan penyelidikan dan penerbitan. Pemantauan pencapaian perancangan strategik dilakukan secara berterusan dan sistematik oleh Penyelaras Strategik (PSTU) dan Ketua Unit Kualiti.

#### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0040\\_K01\\_KB04\\_KC01\\_20231\\_FPR - PEMANTAUAN.pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

#### **1.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)**

Objektif dan Aktiviti Utama Kepimpinan FPR dalam Pengurusan Risiko secara umumnya adalah seperti berikut:

- Melindungi aset dan sumber-sumber berharga
- Melindungi dan meningkatkan reputasi atau imej sebuah organisasi
- Mewujudkan proses bagi mengenalpasti, menilai, mengukur, memantau, mengawal dan menangani risiko
- Memupuk budaya pengurusan risiko ke atas warga universiti
- Menyediakan satu rangka kerja pemulihan perkhidmatan yang komprehensif yang dapat digunakan ketika berlakunya insiden atau krisis.
- Penggunaan sumber-sumber dan keupayaan operasi yang efisen dan bertanggungjawab menjaga imej dan etika UiTM sebagai sebuah jenama yang berjaya.

Pihak Kepimpinan FPR amat komited dalam usaha mencapai KPI yang telah ditetapkan serta terlibat secara langsung semasa proses penapisan peringkat cawangan. Ini boleh mengurangkan risiko dari segi kualiti hasil penyelidikan. Risiko melibatkan penyelidikan yang tidak diselesaikan mengikut tempoh yang ditetapkan, perlanggaran etika penyelidikan serta penyalahgunaan dana penyelidikan. Di peringkat Bahagian P&I, terdapat Jawatankuasa Penyelidikan FPR yang dipengerusikan oleh Timbalan Dekan P&I . Pejabat Timbalan Dekan P&I akan bertindak sebagai Urusetia yang berfungsi untuk menangani isu-isu berkaitan etika penyelidikan dan perundingan di FPR. FPR juga telah mewujudkan Research Ethics Committee (REC) sebagaimana yang dikehendaki dalam Pelan Pengurusan Risiko UiTM yang diuruskan oleh Jawatankuasa Pengurusan Risiko Operasi FPR.

Dalam pelan tersebut, FPR melihat pelanggaran etika penyelidikan dan perundingan sebagai satu cabaran yang besar dalam menyumbang kepada risiko reputasi FPR. Ianya pasti akan memberi impak negatif isu etika penyelidikan tidak dikawal. Pada masa yang sama penyelidikan pasti akan dipertikaikan kerana tiadanya rujukan kepakaran disediakan.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0040\\_K01\\_KB04\\_KC02\\_20231\\_FPR - RISIKO.pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

#### **1.4.3 MENGKAJI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)**

FPR dari masa kesemasa membuat sesi perbincangan bahagian P&I bagi mengenalpasti tahap pencapaian serta menyemak semula aktiviti bahagian sepanjang tahun. Hasilan daripada program ini digunakan bagi memperbaiki proses kerja agar lebih berkesan dan produktiviti dapat dipertingkatkan. Proses-proses kerja akan disemak semula bagi mengoptimakan sumber dari segi sumber manusia, fasiliti , kewangan serta peluang-peluang pemerolehan dana yang terkini. Selain dari memfokuskan proses kerja ,program ini juga digunakan sebagai platfrom untuk meningkatkan moral kakitangan dari segi mengoptimakan keupayaan, mengenalpasti kepakaran dan bakat yang perlu dipertingkatkan serta semangat kerjasama berpasukan . FPR juga setiap tahun menyemak semula rancangan strategik bagi mengenalpasti kelemahan dan menilai pencapaiannya. Selain itu KPI akan disemak semula dan langkah-langkah intevensi dirancang semula bagi membolehkan pencapaian KPI boleh dipertingkatkan. Hasil dari proses semakan semula rancangan strategik akan di war-warkan kepada semua yang terlibat diperingkat perlaksana. Input semak semula adalah dari laporan laporan pencapaian KPI yang telah dikemaskini dan diverifikasi oleh ketua-ketua jabatan. Bagi bidang tumpuan, secara khususnya Timbalan Dekan P & I akan membuat perbentangan mengenai pencapaian KPI bahagian P&I dengan memberi justifikasi serta tindakan mitigasi yang akan dijalankan. Hasil kajian semula, langkah-langkah peningkatan kualiti iaitu menghasilkan inovasi yang membantu dalam mempertingkat prestasi FPR.

Hasil dari pemantauan yang dijalankan terhadap status aktiviti-aktiviti yang dijalankan digunakan oleh kepimpinan FPR dalam menyusun semula strategi dan membuat program-program penambahbaikan untuk mepastikan objektif strategi tercapai, terutama sekali dalam mencapai keberhasilan penyelidikan dan penerbitan. Sebagai contoh bagi meningkatkan penerbitan, aktiviti-aktiviti latihan penulisan telah disemaksemula dengan pengisian kaedah analisis dengan MS Excel.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0040\\_K01\\_KB04\\_KC03\\_20231\\_FPR - ACT.pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

## **1.5 INTEGRASI (INTEGRATION)**

Timbalan Dekan P&I secara khususnya berperanan untuk menyebarluas setiap perancangan pengurusan FPR kepada seluruh warga akademik semasa mesyuarat ataupun sesi perjumpaan bersama staf secara berkala. Sebagai contoh, Koordinator Penyelidikan dan Penerbitan secara aktif menghebahkan serta mewarwarkan Peluang Dana Penyelidikan melalui e-mail dan sentiasa menyampaikan taklimat serta informasi terkini setiap semester semasa Mesyuarat atau sesi townhall bersama staf . Budaya penerbitan turut diwujudkan serta dipupuk dikalangan staf dengan menganjurkan kolokium setiap bulan.Pada masa yang sama, penghargaan diberi kepada penyelidik yang berjaya membuat penerbitan berindex tinggi.

Pendekatan yang diamalkan di FPR tidak terikat dengan kaedah tradisional sahaja. FPR membudayakan penyelidikan dan penerbitan secara menyeluruh di semua peringkat. Kepimpinan FPR telah mengamalkan sistem komunikasi yang telus. Dengan ini birokrasi yang membebankan para pensyarah dan koordinator penyelidikan dan penerbitan tidak berlaku. Sehubungan dengan itu, koordinator yang dilantik membantu Timbalan Dekan PJI sebagai pemudahcara dalam usaha meningkatkan kuantiti dan kualiti penyelidikan di FPR. Oleh yang demikian, program pembudayaan penyelidikan dan penerbitan telah dibuat dengan penglibatan pensyarah--pensyarah baru bersama pensyarah-pensyarah yang berpengalaman. FPR juga menyediakan dana khas bagi membantu pensyarah-pensyarah baru untuk mula berjinak-jinak dalam penyelidikan. Justeru, pensyarah-pensyarah berpengalaman menjadi mentor kepada pensyarah baru dalam mana-mana projek atau penyelidikan yang dijalankan. Dalam masa yang sama, pembudayaan penyelidikan dan penulisan diperluaskan ke peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Ini dapat dibuktikan dengan jayanya melalui geran penyelidikan yang diterima. Selain daripada itu, penulis FPR telah menghasilkan penerbitan berimpak tinggi . Ini memperjelaskan pembudayaan penulisan staf FPR telah diperluaskan ke tahap antarabangsa.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0040\\_K01\\_KB05\\_20231\\_FPR - INTEGRATION.pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

## **KRITERIA 2 : PERANCANGAN STRATEGIK**

### **2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Dalam usaha mencapai kecemerlangan dalam bidang tumpuan (BT), Fakulti Perubatan (FPR), di bawah pimpinan Dekan dan Timbalan Dekan Penyelidikan dan Inovasi (TDPI), telah merancang program dan inisiatif berpandukan penanda aras pencapaian (PI). PI ini adalah hasil daripada pejabat TNC-PI dan aspirasi serta misi FPR sendiri (Untuk memimpin pembangunan Bumiputera yang cekap melalui kurikulum terkini dan penyelidikan berdampak tinggi).

Senarai program dan inisiatif:

Koordinator Penyelidikan (RC)

Perkhidmatan Perundingan Biostatistik

Dana Penyelidikan FPR (FMRG)

Sabatikal Mini Penerbitan

Dana Penerbitan FPR

Journal of Clinical and Health Sciences (JCHS)

International Medic Innovation Competition

UiTM bercita-cita menjadi universiti global dengan melancarkan kempen Universiti Terkenal Secara Global 2025 (GRU2025), manakala Malaysia bercita-cita mencapai status berpendapatan tinggi menjelang 2030 (sebahagian daripada aspirasi WKB2030). Oleh itu, perancangan BT FPR dilihat sebagai langkah penting dalam membantu UiTM dan Malaysia mencapai aspirasi ini. Pencapaian BT akan memperkuuh tema strategik UiTM dalam Penyelidikan Translasional, Pembangunan, Inovasi, dan Perniagaan, sebahagian daripada GRU2025. Selain itu, pemerksaan BT juga akan memenuhi Teras Strategik Modal Insan, teras kepada WKB2030.

Untuk memantau pelaksanaan program BT dan pelaporan data BT, pelan tindakan strategik "RIGorous" ditubuhkan. RIGorous bertanggungjawab memastikan pencapaian PI yang dilaporkan oleh Bahagian Transformasi Universiti selaras dengan pelaporan peringkat FPR.

Selain itu, pelaksanaan aktiviti BT disokong oleh dua pusat penyelidikan dalam FPR: Institut Bioteknologi Molekul dan Perubatan (IMMB) dan Pusat Penyelidikan Translasional dan Epidemiologi (CenTRE). IMMB memberi tumpuan kepada penyelidikan berdasarkan makmal (termasuk omik, sel, dan penyelidikan haiwan), manakala CenTRE menguruskan penyelidikan klinikal (melibatkan peserta manusia). Pengguna (Pelanggan) pusat penyelidikan ini termasuk pensyarah, pembantu penyelidik, dan pelajar pasca siswazah, dan maklum balas dari semua pihak diambil kira dalam proses penambahbaikan.

Penambahbaikan berterusan dalam perancangan strategik dilakukan melalui bengkel semakan perancangan strategik berkala. Semasa bengkel-bengkel ini, penambahbaikan, perubahan, penambahan, atau pengurangan dalam perancangan strategik dan pencapaian KPI penyelidikan dan penulisan dinilai untuk merumuskan perancangan yang lebih relevan untuk tahun berikutnya.

Dana penerbitan FPR digunakan untuk menyokong pembiayaan penerbitan jurnal yang tersenarai dalam indeks dan berimpak tinggi oleh staf penyelidik, dengan syarat bahawa mereka adalah penulis utama atau penulis yang berkoresponden. Inisiatif ini diperkenalkan pada tahun 2020 dan telah berjaya meningkatkan jumlah penerbitan dalam jurnal berindeks dan berimpak tinggi. Selain itu, pelantikan Koordinator Penyelidikan (RC) telah diperkenalkan, di mana RC yang dilantik akan bekerja secara bergilir di antara jabatan untuk memberikan bantuan teknikal kepada ahli jabatan dalam aspek seperti pemformatan manuskrip, proses penyerahan dalam talian, penyediaan surat, dan lain-lain.

Pembudayaan amalan untuk memastikan kejayaan objektif dan strategi FPR bermula dengan memastikan ahli FPR menghadiri taklimat Amanat Naib Canselor. Ini memastikan semua ahli menerima maklumat yang jelas mengenai hala tuju universiti. Bagi mereka yang tidak dapat menghadiri taklimat tersebut secara langsung, rakaman dan nota disediakan oleh pihak pengurusan. Di peringkat FPR, semua perancangan strategik yang dibangunkan semasa bengkel disampaikan kepada ketua-ketua jabatan. Ketua jabatan, seterusnya, menyampaikan maklumat ini kepada ahli-ahli jabatan. Semasa perbincangan dengan ahli jabatan, ketua jabatan juga merangka perancangan strategik bagi setiap jabatan untuk mencapai matlamat perancangan strategik FPR. Sesetengah perancangan strategik juga dimaklumkan semasa mesyuarat fakulti.

## **2.2 PENDEKATAN (APPROACH)**

Dalam usaha untuk mencapai kecemerlangan dalam bidang tumpuan (BT), FPR yang diterajui oleh Dekan dan Timbalan Dekan Penyelidikan dan Inovasi (TDPI) merancang program dan inisiatif berpandukan penandaaras pencapaian (performance indicators; PI) yang diturunkan kepada FPR oleh pejabat TNC-PI dan juga aspirasi dan misi FPR sendiri (*To lead the development of agile, professional bumiputeras through state-of-the-art curricula and impactful research*).

Senarai program dan inisiatif adalah seperti berikut:

1. Koordinator Penyelidikan (Research Coordinator, RC)

- RC adalah pensyarah yang memberi sokongan kepada aktiviti penyelidikan, di mana KPI mereka adalah 90% daripada tugas yang diberikan oleh jabatan dalam hal persiapan/ penyerahan manuskrip yang berjaya, pembinaan data penyelidikan, dan/ atau persediaan teknikal cadangan geran.

2. Servis Perundingan Biostatistik (Biostatistics Consultation Service)

- Inisiatif ini bertujuan untuk meningkatkan cadangan penyelidikan dan manuskrip penyelidikan untuk memenuhi KPI yang ditetapkan untuk geran kebangsaan, antarabangsa/ industri, serta penerbitan yang diindeks dan berimpak tinggi.

3. Dana Penyelidikan FPR (FMRG, Bukti 2)

- Fakulti bertujuan untuk mencapai KPI Nasional fakulti sebanyak RM 3 juta dengan FMRG menyumbang sebanyak RM200,000 kepada KPI utama.

4. Sabatikal Mini Penerbitan (Mini Publication Sabbatical, Bukti 1)

- Fakulti bertujuan untuk mencapai 10 penyerahan manuskrip berjaya dengan kira-kira 40% daripadanya berjaya diterbitkan setiap tahun.

5. Dana Penerbitan FPR

- Fakulti bertujuan untuk mencapai KPI yang ditetapkan oleh universiti untuk penerbitan yang diindeks dan penerbitan berimpak tinggi.

6. Journal of Clinical and Health Sciences (JCHS)

- Jurnal yang diindeks oleh MyCite

7. International Medic Innovation Competition

- Pertandingan inovasi untuk menggalakkan perkembangan hasil penyelidikan kepada penghasilan prototaip yang seterusnya boleh dipasarkan.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0040\\_P01\\_PB02\\_20231\\_Mini Publication Sabbatical Guidelines.pdf](#)
2. [F0040\\_P01\\_PB02\\_20232\\_GARIS PANDUAN FMRG.pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.

### **2.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)**

UiTM beraspirasi untuk menjadi sebuah universiti global dengan melancarkan kempen Globally Renowned University 2025 (GRU2025), manakala Malaysia beraspirasi untuk menjadi negara berpendapatan tinggi menjelang 2030 (sebahagian daripada aspirasi Wawasan Kemakmuran Bersama 2030; WKB2030). Justeru itu, perancangan FPR dalam BT dilihat sebagai suatu langkah ke arah yang tepat untuk membantu UiTM dan Malaysia mencapai aspirasi ini. Pencapaian BT akan membantu UiTM untuk memperkasakan tema strategik Translational Research, Development, Innovation and Commercialisation yang merupakan sebahagian daripada GRU2025. Disamping itu, pemerkasaan BT juga akan dapat memenuhi Teras Strategik Modal Insan yang merupakan teras kepada WKB2030.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0040\\_P01\\_PB03\\_20231\\_GRU2025 - blocks.pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **2.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Untuk membantu pejabat TDPI memantau pelaksanaan program dan pelaporan data berkenaan BT, satu pelan tindakan strategik bernama “RIGorous” ditubuhkan. RIGorous bertanggungjawab untuk memastikan pencapaian PI yang dilaporkan Bahagian Transformasi Universiti adalah selari dengan pelaporan di peringkat FPR.

Disamping itu, pelaksanaan aktiviti dan inisiatif BT dibantu oleh dua pusat penyelidikan di FPR sendiri, iaitu Institute of Molecular and Medical Biotechnology (IMMB) dan Center of Translational Research and Epidemiology (CenTRE). IMMB menjaga perihal kajian berteraskan makmal (termasuk kajian omik, sel dan haiwan) manakala CenTRE menguruskan kajian klinikal (yang melibatkan peserta manusia). Pengguna (Pelanggan) di pusat penyelidikan ini adalah pensyarah, pembantu kajian dan juga pelajar pascasiswazah. Maklumbalas daripada semua pihak diambil kira dalam semua proses penambahbaikan.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0040\\_P01\\_PB04\\_PC01\\_20231\\_RIGourous PI 2022.pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

## **2.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)**

Penilaian risiko untuk setiap program dan inisiatif yang dirancang:

1. Koordinator Penyelidikan (Research Coordinator, RC)
  1. Risiko: Kelambatan penyiapan tugas
  2. Mitigasi:
2. Servis Perundingan Biostatistik (Biostatistics Consultation Service)
  1. Risiko: BOLEH DIABAIKAN
  2. Mitigasi: TIADA
3. Dana Penyelidikan FPR (FMRG)
  1. Risiko: Kekurangan dana yang disalurkan oleh UiTM
  2. Mitigasi:
  3. Fakulti bertujuan untuk mencapai KPI Nasional fakulti sebanyak RM 3 juta dengan FMRG menyumbang sebanyak RM200,000 kepada KPI utama.
4. Sabatikal Mini Penerbitan (Mini Publication Sabbatical)
  1. Risiko: Kegagalan pensyarah untuk menyerahkan manuskrip selepas program
  2. Mitigasi:
  3. Fakulti bertujuan untuk mencapai 10 penyerahan manuskrip berjaya dengan kira-kira 40% daripadanya berjaya diterbitkan setiap tahun.
5. Dana Penerbitan FPR
  1. Risiko: Kekurangan dana yang disalurkan oleh UiTM
  2. Mitigasi:
6. Journal of Clinical and Health Sciences (JCHS)
  1. Risiko: Kurang penyerahan manuskrip untuk diterbitkan
  2. Mitigasi:
7. International Medic Innovation Competition
  1. Risiko: Kekurangan penyertaan daripada kumpulan sasar
  2. Mitigasi:

### **SENARAI BUKTI :**

- 1.
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

## **2.4.3 MENGKAJI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)**

Penambahbaikan berterusan dalam perancangan strategik dilakukan melalui kajian semula. Proses ini melibatkan penambahbaikan, perubahan, penambahan, atau pengurangan strategi dan pelan tindakan. Setiap tahun, diadakan bengkel kajian semula perancangan strategik untuk tujuan menilai semula langkah-langkah yang telah diambil. Dalam bengkel tersebut, proses penambahbaikan, perubahan, penambahan, atau pengurangan dalam perancangan strategik dan pencapaian KPI penyelidikan dan penulisan dievaluasi untuk menyusun perancangan yang lebih relevan untuk tahun berikutnya.

Dana penerbitan fakulti digunakan untuk menyokong pembiayaan penerbitan jurnal yang tersenarai dalam indeks dan mempunyai impak yang tinggi oleh staf penyelidik, dengan syarat bahawa mereka adalah penulis utama atau penulis yang berkoresponden. Inisiatif ini telah diperkenalkan sejak tahun 2020 dan berjaya meningkatkan jumlah penerbitan dalam jurnal berindeks dan berimpak tinggi. Sebagai tambahan, Pelantikan Koordinator Penyelidikan (RC) telah diperkenalkan di mana RC yang dilantik akan bekerja secara bergilir di antara jabatan untuk memberikan bantuan teknikal kepada ahli jabatan dalam aspek seperti pemformatan manuskrip, proses penyerahan dalam talian, penyediaan surat, dan lain-lain.

### **SENARAI BUKTI :**

- 1.
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

## **2.5 INTEGRASI (INTEGRATION)**

Pembudayaan amalan untuk memastikan objektif dan strategi fakulti berjaya dimulakan dengan memastikan bahawa warga FPR menghadiri taklimat Amanat Naib Canselor. Langkah ini memastikan semua warga menerima maklumat yang jelas mengenai hala tuju universiti. Bagi mereka yang tidak dapat menghadiri taklimat ini secara langsung, akan diberikan rakaman taklimat dan nota oleh pihak pengurusan. Di peringkat FPR, semua pelan strategik yang dirancang semasa bengkel akan disampaikan kepada ketua-ketua jabatan. Ketua jabatan akan menyampaikan maklumat ini kepada ahli-ahli jabatan. Semasa perbincangan dengan ahli jabatan, ketua jabatan juga akan merangka pelan strategik bagi setiap jabatan untuk mencapai matlamat pelan strategik fakulti. Sesetengah pelan strategik juga akan dimaklumkan semasa mesyuarat fakulti.

Kolaborasi bersama Hospital Al-Sultan Abdullah (HASA) Puncak Alam untuk membangunkan Research Hub bertujuan untuk menggabungkan tenaga penyelidik dari pelbagai bidang untuk kerjasama dalam penyelidikan. Inisiatif ini diharapkan akan memberi kesan positif dalam mengukuhkan penyelidikan untuk menghasilkan hasil penyelidikan berimpak tinggi.

### **SENARAI BUKTI :**

- 1.
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

## **KRITERIA 3 : TUMPUAN KEPADA PELANGGAN**

### **3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Fakulti Perubatan (FPR) telah mengambil pendekatan berfokus kepada pelanggan dalam usahanya mencapai kecemerlangan dalam bidang tumpuan (BT). Usaha ini dimulakan dengan mengenal pasti profil dan keperluan pelanggan, yang termasuk pensyarah, pembantu penyelidik, dan pelajar-pelajar pasca siswazah. Model Tumpuan Pelanggan digunakan untuk mendapatkan maklumat khusus daripada pelanggan, membantu mencipta hubungan positif antara FPR dan pelanggan, meningkatkan mutu perkhidmatan, dan mendapatkan maklum balas yang lebih baik.

Penglibatan pelajar pasca siswazah dan pembantu penyelidik dalam aktiviti penyelidikan, kerjasama dengan institusi luar dan industri, penerimaan geran penyelidikan, dan bilangan pelantikan dalam mod penyelidikan adalah petunjuk penglibatan dalam BT. Penglibatan dalam komuniti juga diterjemahkan melalui program-program yang memberi manfaat kepada masyarakat.

Pandemik Covid-19 telah membawa cabaran besar kepada BT, termasuk kekurangan sumber kewangan, kurangnya produksi penulisan ilmiah, dan kesukaran dalam menjalankan aktiviti penyelidikan. FPR telah bertindak balas dengan menyediakan Dana Penyelidikan dan yuran penerbitan, mempromosikan kerjasama makmal dan klinik, dan melaksanakan pengurusan dalam talian serta penglibatan komuniti dalam talian.

Kajian semula tahunan telah membantu dalam penambahbaikan berterusan kepada pelanggan, dengan penyampaian maklumat melalui pelbagai saluran komunikasi termasuk laman web rasmi FPR, media sosial, dan portal e-aduan. Hasilnya, kepuasan pelanggan adalah di tahap yang cemerlang, dan model fokus kepada pelanggan digunakan dalam semua aspek yang melibatkan pelanggan.

FPR menekankan bahawa kepuasan pelanggan adalah keutamaan, dan usaha berterusan dalam perancangan strategik, pelaksanaan yang berkesan, pemantauan berterusan, pengurusan risiko, dan kajian semula tumpuan pelanggan adalah inti dalam menjadikan FPR institusi berkualiti tinggi dan dihormati oleh semua.

### **3.2 PENDEKATAN (APPROACH)**

Perancangan fokus ke arah pelanggan dimulakan dengan mengenal pasti profil dan keperluan mereka. FPR menggunakan Model Tumpuan Pelanggan, sebagaimana yang digambarkan dalam Rajah 3.2, untuk mendapatkan maklumat yang khusus daripada pelanggan. Pendekatan ini telah terbukti berjaya dalam mencipta, menjalin, dan mengekalkan hubungan yang positif antara FPR dan pelanggan, yang pada gilirannya telah meningkatkan mutu perkhidmatan, penyampaian, serta maklum balas daripada pelanggan.

Kumpulan sasar bagi BT adalah para pensyarah, pembantu-pembantu penyelidik dan pelajar-pelajar pascasiswazah (program MSc dan PhD) di FPR.

#### **SENARAI BUKTI:**

- 1.
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

### **3.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)**

Untuk kumpulan sasar, penglibatan dalam aktiviti penyelidikan dicatat dalam sistem IRMIS yang sebahagiannya diuruskan oleh RMC, Shah Alam. Penyelidik yang menerima tawaran penyelidikan dari institusi lain atau industri akan memberitahu unit Penyelidikan dan Inovasi Fakulti tentang keterlibatan mereka, yang kemudian dicatat dalam sistem IRMIS.

Selain itu, keterlibatan pelajar pasca siswazah dan pembantu penyelidik dalam projek penyelidikan juga didaftarkan dalam sistem IRMIS. Maklumat penyelidikan boleh diakses melalui sistem IRES UiTM, di mana data penyelidikan disimpan dalam talian. IRES memungkinkan pihak TDP dan sekretariat untuk mengakses maklumat seperti jumlah geran, perbelanjaan geran, baki geran, dan laporan kemajuan.

Maklumat mengenai penerbitan juga direkodkan dalam sistem PRISMA di peringkat universiti, dan secara manual dalam lembaran Excel di storan awan Pejabat Penyelidikan dan Inovasi di peringkat fakulti. Bagi pelajar pasca siswazah yang terlibat dalam penyelidikan, maklumat tentang pengambilan kursus penyelidikan juga penting dan dicatat. Di IMMB, Makmal Neuroscience, dan LACU, maklumat penggunaan peralatan makmal oleh pelajar adalah penting untuk memastikan prestasi peralatan dipelihara dengan baik. Pelajar di IMMB, Makmal Neuroscience, dan LACU juga diminta untuk melaporkan aktiviti seperti penyertaan dalam pertandingan, penerbitan, kehadiran dalam persidangan, dan lain-lain kepada kakitangan IMMB, Makmal Neuroscience, dan LACU. Maklumat ini kemudian disalurkan kepada Pejabat Penyelidikan dan Inovasi untuk dicatat. Selain itu, IMMB mengeluarkan Newsletter yang berkongsi pencapaian pelajar dengan warga FPR untuk memberikan dorongan kepada pelajar yang lain.

#### **SENARAI BUKTI :**

- 1.
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **3.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Bagi penyelidik, pemantauan dalam bidang tumpuan diukur melalui jumlah penerbitan yang merujuk kepada Fakulti Perubatan Universiti Teknologi MARA. Bilangan penerbitan ini diumumkan dalam Mesyuarat Pengurusan Fakulti. Jabatan yang mencatat jumlah penerbitan tertinggi telah menerima penghargaan daripada Fakulti.

Selain itu, bilangan perjanjian kerjasama antara penyelidik dengan institusi luar, serta dengan pihak industri, juga menunjukkan penglibatan yang lebih meluas oleh warga fakulti dalam bidang tumpuan yang dipilih. Penerimaan geran penyelidikan dalam skala kebangsaan dan antarabangsa, berserta dengan kerjasama industri, adalah petunjuk tahap penglibatan warga Fakulti dalam bidang tumpuan tersebut. Tambahan pula, bilangan pelantikan pembantu penyelidik dan pelajar pasca siswazah yang terlibat dalam mod penyelidikan mencerminkan aktiviti dalam bidang tumpuan.

Sementara itu, pemantauan penglibatan dengan komuniti adalah berdasarkan program-program yang dijalankan bersama komuniti. Warga Fakulti turut terlibat secara aktif dengan masyarakat dalam menjalankan aktiviti khas dalam bidang tumpuan tersebut. Selain memberi manfaat kepada penyelidik, inisiatif ini juga memberikan manfaat tidak langsung kepada masyarakat, seperti pemantauan kesihatan dan rujukan kepada pakar kesihatan.

### **SENARAI BUKTI:**

- 1.
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

### **3.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)**

Pandemik Covid-19 telah memberikan impak yang signifikan kepada bidang tumpuan. Untuk mengidentifikasi risiko-risiko yang timbul, kami telah mengadakan mesyuarat pengurusan risiko. Satu masalah yang muncul adalah kurangnya sumber kewangan bagi projek penyelidikan, baik di peringkat kebangsaan, antarabangsa, maupun dari industri. Dalam usaha mengatasi masalah ini, Fakulti Perubatan telah memutuskan untuk memberikan sokongan dengan menyediakan Dana Penyelidikan Fakulti Perubatan. Langkah ini bertujuan untuk menggalakkan warga Fakulti untuk terlibat dalam bidang tumpuan ini.

Kekurangan sumber kewangan penyelidikan juga telah mengakibatkan kurangnya produksi penulisan ilmiah. Oleh itu, Fakulti Perubatan kini menyediakan dana untuk yuran penerbitan kepada penyelidik yang berjaya menerbitkan artikel dalam jurnal yang terindeks.

Selain itu, pelajar pasca siswazah yang terlibat dalam mod penyelidikan serta pembantu penyelidik menghadapi cabaran ketika melakukan aktiviti penyelidikan, sama ada di klinik atau lapangan. Untuk mengatasi masalah ini, kami telah mempromosikan kerjasama dengan makmal atau klinik, di mana penggunaan fasiliti dibahagikan secara saksama melalui kaedah penggiliran. Selain itu, pelajar dan penyelidik juga diberi peluang untuk melaporkan masalah berkaitan infrastruktur melalui laman e-aduan UiTM atau dengan berkomunikasi dengan pegawai yang bertanggungjawab di makmal tersebut. Tindakan akan diambil berdasarkan aduan yang diterima.

Pengurusan penyelidikan juga terjejas oleh pandemik ini, dan oleh itu Pejabat Penyelidikan dan Inovasi telah melaksanakan pengurusan secara dalam talian. Selain daripada pemprosesan dokumen dalam talian, kami juga telah menganjurkan mesyuarat dan konsultasi dengan pakar secara dalam talian melalui platform seperti webinar dan bengkel berkaitan dengan bidang tumpuan.

Kami juga mengakui bahawa penglibatan dengan komuniti terjejas akibat pandemik ini. Oleh itu, penyelidik telah mengambil inisiatif untuk meningkatkan kesedaran masyarakat dengan menganjurkan webinar dalam talian. Selepas setiap webinar, kami menghargai maklum balas daripada peserta untuk memperbaiki lagi komunikasi antara penyelidik dan masyarakat.

#### **SENARAI BUKTI :**

- 1.
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

### **3.4.3 MENGKAJI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)**

Kajian semula telah dijalankan setahun sekali untuk memastikan penambahbaikan berterusan kepada pelanggan. Semua maklum balas daripada pelanggan telah diambil kira. Maklum balas yang diterima, sama ada secara peribadi atau secara rasmi, telah dibawa dalam perbincangan dengan Pengurusan tertinggi Fakulti dan Ketua Jabatan. Hasil kajian semula ini telah dikongsi dengan warga Fakulti melalui e-mel dan mesyuarat pengurusan fakulti.

Antara tindakan penambahbaikan yang telah dilaksanakan adalah dengan menggalakkan keseluruhan warga fakulti untuk berkomunikasi secara dalam talian. Untuk membantu penyelidik mendapatkan dana penyelidikan dan menghasilkan bahan penerbitan yang berkualiti, pelan perancangan seperti yang terdapat dalam jadual 3.4.3 telah dijalankan. Bagi pelajar pasca siswazah dan pembantu penyelidik, kebenaran untuk melakukan penyelidikan di makmal atau lapangan telah dipatuhi dengan ketat mengikut SOP yang telah ditetapkan. Pihak industri juga telah diberi kebenaran untuk memantau penyelidikan yang dijalankan di Fakulti Perubatan dengan mengikut SOP yang ketat.

#### **SENARAI BUKTI :**

- 1.
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

### **3.5 INTEGRASI (INTEGRATION)**

Hasil daripada kajian semula, beberapa inovasi tumpuan pelanggan telah dibangunkan. Antaranya termasuk e-aduan pelbagai bahagian dan maklumbalas atas talian melalui portal rasmi FPR. Hasil kajian semula, FPR telah menambahbaik saluran dan menambah medium komunikasi saluran yang baharu selari dengan trend perkembangan teknologi masakini. Pendekatan yang digunakan termasuklah penyampaian maklumat melalui Website Fakulti Perubatan UiTM, Facebook, Twitter dan Instagram Rasmi Fakulti Perubatan UiTM. Melalui cara ini maklum balas akan diperolehi dengan cara yang lebih cepat. Secara kesimpulannya, untuk tumpuan pelanggan dalam BT ini, FPR telah memastikan kepuasan pelanggan berada ditahap yang cemerlang. Selain daripada itu, FPR juga telah memastikan bahawa model tumpuan pelanggan digunakan bukan sahaja untuk bidang tumpuan ini, malah untuk semua aspek yang melibatkan para pelanggan secara amnya. Bagi FPR, kepuasan pelanggan merupakan aspek yang penting dalam memastikan kualiti perkhidmatan yang diberikan. Ini adalah kerana, baik buruk sesuatu perkhidmatan, ditentukan oleh para pelanggan. Oleh yang demikian, FPR sentiasa memastikan para pelanggan berpuas hati terhadap perkhidmatan yang diperoleh melalui perancangan strategik, pelaksanaan yang berkesan, pemantauan yang berterusan, pengurusan risiko dan kajian semulayang terperinci terhadap tumpuan pelanggan. Ini seterusnya menjadikan FPR sebuah institusi yang berkualiti tinggi dan disegani ramai.

#### **SENARAI BUKTI :**

- 1.
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

## **KRITERIA 4 : PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN**

### **4.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Bidang penyelidikan, penerbitan & pengkomersilan merupakan tunjang kepada output Fakulti Perubatan memandangkan ia adalah elemen utama dalam pengukuran output fakulti, dan berkait rapat dengan pencapaian lain termasuk pengajaran dan pembelajaran. Pencapaian fakulti di bidang ini adalah diukur secara terus (direct) di dalam sistem-sistem penilaian keseluruhan di luar atau pun di luar negara, termasuk MYRA, sistem Global university ranking etc etc. Ukuran ini adalah dibuat melalui pencapaian KPI-KPI kusus yang telah ditetapkan oleh universiti. Untuk tahun 2022, fakulti telah membuat perancangan yang jitu, sehingga berjaya mencapai hampir kesemuai KPI yang ditetapkan, yang berkaitan dengan penyelidikan, penerbitan & pengkomersilan. Bagi memastikan kesinambungan dan sustainability pencapaian ini, fakulti telah mengenalpasti pelan-pelan strategik yang efektif dan akan memberi impak yang tinggi kepada output berkenaan.

Pengukuran dan analisis BT merujuk kepada Pencapaian Malaysia Research Assessment (MyRA). MyRA adalah instrumen pemantauan yang digunakan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) untuk menilai prestasi penyelidikan UA & IPTS. Data MyRA beserta bahan bukti dimajukan kepada pihak RMC 4 kali setahun mengikut sukuan dan data MyRA diperolehi daripada pencapaian-pencapaian Pensyarah Fakulti Perubatan. Pencapaian MyRA di Fakulti Perubatan telah menunjukkan trend peningkatan bagi 4 tahun berturut-turut. Pihak Fakulti telah mengambil langkah proaktif untuk memastikan bahawa pensyarah di Fakulti faham akan peranan MyRA sebagai pengukur kemajuan Fakulti. Setiap jabatan dikehendaki mengumpul data penyelidikan, penerbitan dan perkomersilan masing-masing setiap bulan. Seterusnya, pihak Fakulti memperoleh data Penyelidik Utama (Primary Investigator PI) & MyRA daripada pengumpulan data bulanan jabatan-jabatan tersebut mengikut template laporan bulanan yang disediakan dan dibentangkan semasa mesyuarat fakulti. Usaha pada peringkat jabatan ini dipercayai memberi motivasi dan semangat berdaya saing yang sihat di antara jabatan. Bahagian Penyelidikan & Inovasi merekod data penerbitan oleh Pensyarah Fakulti Perubatan yang telah diterbitkan megikut template laporan yang disediakan secara berkala bagi mengetahui melalui sistem PTAR bagi penyemakan data penerbitan daripada scopus,WoS,JCR. Selain daripada itu data pernberbitan Pensyarah Fakulti Perubatan juga sentiasa disemak melalui google scholar, MyCITE. Data-data geran penyelidikan Pensyarah juga diperolehi daripada sistem *RMI Reporting System* (IRES). Sistem IRES ini juga digunakan bagi pemantauan pengurusan kewangan geran penyelidikan

Pihak fakulti telah mengambil pelbagai inisiatif bagi meningkatkan pencapaian dalam penyelidikan dan penerbitan. Antaranya adalah melaksanakan Mini Publication Sabbatical yang teratur dan dipantau, memberi peluang pensyarah untuk fokus dalam penulisan hasil kajian. Biostatistics Consultancy Service (BCS) telah berjaya memberi peluang pensyarah mendapat khidmat statistik yang relevan untuk kajian masing-masing. Pelantikan Koordinator Penyelidikan (RC) adalah antara inisiatif unggul adalah berdasarkan input pensyarah yang menyatakan kekangan masa di kalangan clinician sebagai punca kekurangan penerbitan. Fakulti telah mengambil dasar 'thinking outside the box' dengan mewujudkan Dana Penerbitan Fakulti juga untuk membantu pembiayaan penerbitan jurnal berindeks dan berimpak tinggi, yang telah membawa hasil 'return of investment' yang cukup tinggi. Pihak fakulti juga telah mewujudkan inisiatif Faculty of Medicine Research Grant (FMRG) bagi meningkatkan bilangan penyelidikan di fakulti untuk membantu pensyarah klinikal yang kurang peluang untuk mendapat dana-dana utama. Usaha ini juga telah berjaya mewujudkan kolaborasi kajian di antara penyarah klinikal dan bukan klinikal.

## **4.2 PENDEKATAN (APPROACH)**

Fakulti telah melaksanakan pelbagai inisiatif penambahbaikan kepada sistem pengukuran dan analisis terhadap bahagian transformasi (BT).

Bagi pengukuran kejayaan bidang tumpuan iaitu Penyelidikan, Penerbitan & Pengkomersilan terdapat beberapa strategi yang telah dilaksanakan di fakulti untuk memastikan peningkatan pencapaian dan mewujudkan ekosistem penyelidikan yang berkesan: Antaranya adalah beberapa pencapaian petunjuk prestasi - *Performance Index* (PI) fakulti telah dirujuk.

Pada 2022, bidang Penyelidikan & Penerbitan mempunyai 14 PI. Daripada ini, Fakulti Perubatan (FP) telah berjaya mencapai 100% dalam 7 PI, melebihi 90% dalam 2 PI yang lain. Ini disertakan di lampiran Bukti 1. Walaupun PI penerbitan masih belum memuaskan namun ia telah menunjukkan peningkatan yang konsisten dalam masa 4 tahun ini. Bukti 2- peningkatan trend penerbitan. FP juga telah mengenal pasti strategi untuk menambah baik pencapaian ini dengan menggalakkan pensyarah mengambil mini sabbatical dan memastikan dana penerbitan diteruskan.

Ukuran yang digunakan untuk mengukur pencapaian bidang tumpuan adalah termasuk jumlah penerbitan yang berindeks, termasuk penerbitan berimpak tinggi. Penerbitan bersama samada bersama industri atau rakan kerjasama nasional adalah juga ukuran yang digunakan. Jumlah penyelidik utama dan jumlah geran penyelidikan daripada sumber national grant dan industri juga merupakan ukuran yang digunakan. Ini adalah amat penting kepada FP memandangkan tugas klinikal di FP amat berkait rapat dengan industri perubatan termasuk rawatan perubatan yang berkait dengan ubat-ubatan atau alat-alat perubatan. Dengan itu, mendapat penerbitan, geran penyelidikan dan kedudukan sebagai penyelidik utama adalah pengiktirafan yang membanggakan bagi fakulti dan juga universiti. Bukti 3-contoh surat geran penyelidikan dari industri.

Unik kepada FP adalah sumbangan industri berkaitan dalam bentuk bahan kajian seperti assay, penggunaan mesin perubatan, sampel ubat. Ini diambil kira dalam bentuk 'menyerupai' sumbangan kewangan iaitu 'in kind'. Sumbangan ini diambil kira dengan surat daripada sponsor yang menyatakan jumlah tersebut. Bukti 5.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0040\\_A01\\_AB02\\_20231\\_RIGorous \(2020-2022\).pdf](#)
2. [F0040\\_A01\\_AB02\\_20232\\_AKNC Output.pptx.pdf](#)
3. [F0040\\_A01\\_AB02\\_20233\\_7. CTA - UiTM, DR KHAIRUL SHAFIQ IBRAHIM & INSMED INCORPORATED.pdf](#)
4. [F0040\\_A01\\_AB02\\_20234\\_24. CTA - NOVARTIS CORPORATION \(MALAYSIA\) SDN BHD.pdf](#)

#### **4.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)**

Laporan pencapaian petunjuk prestasi - *Performance Index* (PI) dan *Malaysia Research Assessment* (MyRA) disediakan secara sukuan bagi tahun yang dinilai. Pengumpulan data-data geran penyelidikan dan penerbitan menggunakan beberapa kaedah bagi memastikan data-data dikemaskini dari masa ke semasa.

Data pencapaian PI diekstrak secara sukuan tahunan. Data-data ini disimpan di Unit Kualiti di bawah seliaan Ketua Unit Kualiti. Di peringkat jabatan, seorang pensyarah dilantik yang berperanan untuk memastikan data jabatan dikumpul dengan tepat dan komprehensif. Bukti 1-contoh surat lantikan dan senarai pensyarah yang bertanggungjawab.

FP telah mengenal pasti bahawa pelaporan fakulti tidak memuaskan kerana pensyarah klinikal menjalankan kolaborasi penyelidikan dan penerbitan bersama agensi luar, samada bersama industri, IPTA lain atau persendirian yang lain. Pihak fakulti telah mewujudkan template laporan yang output perubatan yang memastikan semua jenis output termasuk khidmat konsultansi yang berkaitan boleh diambil kira. Bukti 2- Template laporan output jabatan. Email pemakluman akan dimajukan kepada wakil penyelidikan daripada setiap jabatan. Wakil penyelidikan akan membuat pengumpulan data beserta bahan bukti daripada ahli jabatan masing-masing. Data yang telah lengkap akan dimajukan kepada pegawai bertanggungjawab di Bahagian Penyelidikan & Inovasi untuk tujuan dimasukkan kedalam data jabatan mengikut kriteria yang diperlukan. Pengumpulan data ini akan dikemaskini melalui google drive email Bahagian Penyelidikan & Inovasi bagi perkongsian semua staf di Bahagian Penyelidikan & Inovasi. Data-data penyelidikan dan penerbitan akan dikemaskini dari masa ke semasa. Data-data yang dikumpulkan akan digunakan untuk pelaporan untuk diwar-warkan dalam Mesyuarat Ketua Jabatan, Mesyuarat Fakulti.

Bagi data perbitan Pensyarah Fakulti Perubatan ianya akan direkodkan ke dalam sistem PRISMa. Setiap Pensyarah perlu mendaftarkan penerbitan kedalam sistem PRISMa sejurus diterbitkan bagi mengelakkan kelewatkan proses validasi oleh pihak PTAR. Setelah dikemaskini data penerbitan tersebut akan divalidasikan oleh Koordinator PRISMa dalam tempoh 14 hari bekerja selepas didaftarkan untuk pertama kali di dalam sistem penerbitan ini. Pensyarah akan menerima e-mel pemakluman rasmi bagi rekod penerbitan yang telah disemak oleh PTAR untuk tujuan rujukan dan tindakan selanjutnya. Bahagian Penyelidikan & Inovasi akan merekod data penerbitan oleh Pensyarah Fakulti Perubatan yang telah diterbitkan megikut template laporan yang disediakan secara berkala bagi mengetahui melalui sistem library bagi menyemak data penerbitan daripada scopus,WoS,JCR. Selain daripada itu data pernberbitan Pensyarah Fakulti Perubatan juga akan disemak melalui google scholar, MyCITE.

Bagi rekod data geran penyelidikan, data-data akan diperolehi daripada pemakluman daripada pihak *Research Management Centre* (RMC) dan pihak Bahagian Penyelidikan & Inovasi, UiTM Cawangan Selangor bagi geran Dana UiTM Cawangan Selangor (DUCS) melalui surat kelulusan yang dikeluarkan kepada penerima-penerima geran. Data-data geran penyelidikan para Pensyarah juga diperolehi daripada sistem *RMI Reporting System* (IRES). Sistem IRES ini juga digunakan bagi pemantauan pengurusan kewangan geran penyelidikan. Tuntutan-tuntutan daripada geran Penyelidikan penyelidik utama akan dikemaskini dalam sistem ini IRES ini. Bagi Penyelidik-penyelidik pula mereka dapat menyemak data berkaitan geran penyelidikan melalui sistem Intergrated RMI Services (IRMIS) yang mana sistem ini akan berhubung dengan sistem IRES. Maklumat yang dikemaskini di dalam sistem IRES akan terlihat di dalam paparan sistem IRMIS juga.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0040\\_A01\\_AB03\\_20231\\_SURAT LANTIKAN DEPT REP PSYCHIATRY DR SAW JO ANNE.pdf](#)

2. [F0040\\_A01\\_AB03\\_20232\\_Template Department Monthly Report Version 2\\_2023 \(JULY 2023\).pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **4.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Berdasarkan pencapaian PI pada penghujung tahun 2022, pihak fakulti telah mengenal pasti beberapa inisiatif bagi meningkatkan peratusan PI.

*Mini Publication Sabbatical* dimulakan dengan mengambil kira alasan pensyarah yang terlambat sibuk dengan tugas klinikal dan pengajaran untuk menghasilkan. Staf akademik diberi pengecualian 2 minggu dari tugas klinikal/pengajaran mereka bagi tumpuan kepada penulisan penyelidikan untuk penerbitan. Staf Akademik yang telah mendapat kelulusan bagi menjalankan Mini Publication Sabbatical dikehendaki membuat perjanjian rasmi untuk mengemukakan sekurang-kurangnya satu manuskrip kepada jurnal berindeks dan perkembangan penghantaran penerbitan ke jurnal yang berkaitan akan dipantau dari masa ke semasa. Bukti 1-borang minisabbatical

Pihak fakulti juga telah menjalankan *Biostatistics Consultancy Service* (BCS) di mana perundingan dengan pakar biostatistik dijalankan pada setiap bulan bagi tujuan membantu penyelidik dengan analisis statistik untuk penerbitan manuskrip. Selain daripada itu, BCS juga menyediakan pelbagai webinar dan bengkel statistik dan ini secara tidak langsung akan membantu penghasilan penerbitan di jurnal berindeks. Bukti 2

Dana Penerbitan Fakulti diwujudkan untuk membantu pembiayaan penerbitan jurnal berindeks dan berimpak tinggi dengan syarat bahawa mereka adalah first author atau corresponding author. Permohonan boleh dibuat secara permohonan pendahuluan bayaran yuran penerbitan atau secara bayar dan tuntutan semula. Ini adalah untuk menangani masalah kekurangan dana penyelidikan untuk penerbitan di kalangan pensyarah. Bukti 3.

Analisa data FP menunjukkan kekurangan upaya pensyarah klinikal untuk mendapat dana penyelidikan memandangkan kebanyakan dana negara adalah lebih cenderung kepada penyelidikan sains asa (basic science). Pihak fakulti telah mewujudkan *Faculty of Medicine Research Grant (FMRG)*, di mana, 10 orang Pesyarah yang menghantar proposal dipilih melalui proses penilaian yang dibuat oleh Penilai dalam dan luar UiTM. Cadangan penawaran geran ini telah diluluskan oleh Mesyuarat Pengurusan Fakulti (MPF) yang mana peruntukan bantuan adalah sebanyak RM 200,000 setahun bagi 10 penerima geran ini setiap penerima akan menerima RM20,000. Tempoh geran ini adalah selama dua tahun. Penilaian akan dibuat setiap 6 bulan melalui progress report yang dimohon kepada penerima-penerima geran. Bukt 4.

Pihak fakulti juga telah menubuhkan dana pembangunan prototaip iaitu RM 3000 bagi setiap penerima geran bertujuan pembangunan inovasi. Ini telah memberi kesan yang sangat memberangsangkan untuk menyerlah potensi FP yang berdaya saing dalam bidang inovasi. Bukti 5.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0040\\_A01\\_AB04\\_AC01\\_20231\\_\(NEW\) Mini Publication Sabbatical Application Form \(V2\).pdf](#)
2. [F0040\\_A01\\_AB04\\_AC01\\_20232\\_F0040\\_A01\\_AB04\\_AC02\\_20232\\_BCS MPF as of Aug 2023.pdf](#)
3. [F0040\\_A01\\_AB04\\_AC01\\_20233\\_borang-permohonan-yuran-penerbitan-artikel-q1-q2-.pdf](#)
4. [F0040\\_A01\\_AB04\\_AC01\\_20234\\_GARIS PANDUAN FMRG.pdf](#)

#### **4.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)**

Kesan penularan COVID-19 masih lagi berterusan dalam tahun 2022. Ini adalah kerana aktiviti penyelidikan yang terganggu di dalam tahun 2020-2021 telah menyebabkan kelewatan dalam penyelesaian kajian, seterusnya memberi impak kepada hasil kajian dan penerbitan, seterusnya memberi kesan kepada pencapaian sasaran. FP telah berusaha untuk meneruskan aktiviti penyelidikan semasa MCO dengan membuat peraturan penjarakan sosial di kalangan pelajar dan staf. Bukti 1- Memo IMMB.

Fasiliti penyelidikan di FP adalah kebanyakannya peralatan yang canggih dan mencukupi iaitu 'state-of-the- art'. Pihak FP sentiasa memantau keperluan penyelidikan dengan melibatkan ketua-ketua makmal di dalam mesyuarat yang relevan. Peralatan yang telah usang dan kerap mengalami kerosakan apabila digunakan telah dikenalpasti dan sentiasa dipantau samada untuk diselenggara ataupun digantikan. FP telah membuat permohonan penyelenggaraan dari Bajet KY untuk tujuan ini. Bukti 2-

Selain daripada itu, alat-alat yang memerlukan penyelenggaraan segera telah dibaiki ditampung oleh Tabung Amanah Fakulti. Pihak fakulti sentiasa membuat permohonan sokongan kewangan dari pihak universiti untuk proses pembelian atau penyelenggaraan peralatan yang amat diperlukan, khususnya untuk memastikan sasaran fakulti boleh dicapai dengan efektif. Bukti 3

Bagi pencapaian Malaysia Research Assessment (MyRA), pensyarah yang tidak mencapai kriteria minima yang ditetapkan dikategorikan sebagai denominator berpotensi (DP) bagi tahun yang dinilai. Untuk tujuan mengurangkan jumlah DP melaksanakan beberapa strategi. Mengenal pasti DP di peringkat jabatan, membuat perjumpaan bersama DP, mengenal pasti punca DP. Bukti 4. Pihak FP seterusnya memberi cadangan tindakan di peringkat jabatan melalui strategi yang tersebut di atas termasuk menggalakkan pensyarah DP mengambil Mini Publication Sabbatical. Pihak fakulti juga menggalakkan DP untuk menghantar proposal untuk mendapat geran FMRG sebagai penyelidik utama. Bukti 5- letter/email to HOD regarding DPs.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0040\\_A01\\_AB04\\_AC02\\_20232\\_BCS MPF as of Aug 2023.pdf](#)
2. [F0040\\_A01\\_AB04\\_AC02\\_20232\\_KY Budget 2023.pdf](#)
3. [F0040\\_A01\\_AB04\\_AC02\\_20235\\_Surat Pemakluman Denominator Berpotensi Fakulti Perubatan 2021.pdf](#)

#### **4.4.3 MENGKAJI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)**

Data perbitan Pensyarah Fakulti Perubatan direkodkan ke dalam sistem PRIMe. Sistem PRIMe adalah gabungan daripada pengumpulan adata penyelidikan Pensyarah seperti geran, penerbitan, harta intelek, star rating. Usaha penyerahan laporan bulanan jabatan telah memberikan impak positif di mana jabatan lebih peka berkenaan keperluan penyelidikan dan penerbitan masing-masing dan mewujudkan daya saing yang sihat di antara jabatan-jabatan. Mesyuarat dekan bersama ketua jabatan juga memberi penekanan berkenaan kepentingan penyelidikan dan penerbitan. Jabatan yang kurang pencapaian dalam bidang ini dikenalpasti dan dibantu dengan strategi di atas termasuk memberi khidmat Study Koordinator Service dan mini publication sabbatical. Bukti 1- HOD meeting minutes.

Bagi meningkatkan lebih ramai penyelidik utama, bengkel berkala telah diadakan bagi membantu penyelidik untuk memantapkan proposal penyelidikan disamping meningkatkan budaya penyelidikan di fakulti. Bagi pemohon FMRG yang tidak berjaya mereka diminta untuk menyertai bengkel tersebut bertujuan menambahbaik proposal yang disediakan. Bukti 2- proposal writing workshops.

Pengumuman kepada penerima geran dan penerbitan atau sebarang penerimaan anugerah akan dibuat melalui email, laman web dan media social. Ianya bertujuan memberi penghargaan kepada semua Pensyarah yang telah berjaya memperoleh pencapaian –pencapaian di fakulti disamping meningkatkan daya saing dikalangan staf akademik. Bukti 3- contoh pengumuman

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0040\\_A01\\_AB04\\_AC03\\_20231\\_HOD Template Reporting \(May\).pdf](#)

#### **4.5 INTEGRASI (INTEGRATION)**

Pihak pengurusan atasan sentiasa menyampaikan maklumat berkaitan isu dan penambahbaikan sebarang urusan di fakulti secara berkala terutamanya semasa mesyuarat fakulti. Sebagai contoh, pencapaian PI fakulti telah dibentangkan kepada warga fakulti semasa mesyuarat fakulti. Setiap kali mesyuarat juga, ketua unit kualiti akan membentangkan sebarang isu berkaitan sistem jaminan kualiti yang berkait rapat dengan tindakan penambahbaikan. Bagi perkongsian pencapaian PI ianya akan memberi maklumat kepada warga berkenaan PI yang berjaya dicapai. Bagi PI yang kurang mencapai sasaran, warga fakulti boleh digerakkan untuk bersama-sama berusaha bagi mencapai sasaran ini.

Bengkel pelan strategik adalah mesyuarat tahunan FP yang membincangkan secara menyeluruh dan terperinci berkenaan strategi fakulti untuk meningkatkan pencapaian PI. Ini adalah merupakan bengkel 3 hari dua malam yang disertai oleh semua ketua jabatan, pihak pengurusan tertinggi fakulti dan dibantu oleh Professor dan pensyarah kanan FP. Bidang tumpuan dibahagikan secara khusus termasuk untuk bidang Penyelidikan dan Inovasi. Bengkel ini telah menghasilkan idea-idea yang amat berasa serta berkesan, yang di hasilkan dalam bentuk Pelan Strategik Fakulti yang komprehensif, untuk memberi hala tuju yang jitu kepada FP. Bukti 2- Strategic Planning Workshop

#### **SENARAI BUKTI :**

## **KRITERIA 5: TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA**

### **5.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Selain dari pengajaran & pembelajaran, FPR juga menekankan penyelidikan dan inovasi serta perkhidmatan komuniti sebagai agenda perkhidmatan Fakulti. Tumpuan pada penyelidikan dan inovasi penting bagi membawa dan meletakkan Fakulti di persada kebangsaan dan antarabangsa, selain dari berusaha untuk menghasilkan penemuan-penemuan hasil penyelidikan baru dalam bidang perubatan.

Perancangan sumber manusia khususnya tenaga pengajar akademik FPR adalah selaras dengan dasar UiTM dan keperluan program perubatan. Perancangan ini ditentukan berdasarkan pengagihan dalam bidang Sains Bioperubatan Asas dan Sains Klinikal. Ia juga merujuk garis panduan Lembaga Perubatan Malaysia (MMC).

Peranan dan tanggungjawab staf akademik juga termasuk pengajaran, penyelidikan (pengawasan pelajar, penyelidikan, penerbitan), dan fungsi perkhidmatan (perkhidmatan klinikal dan konsultasi, pentadbiran, dan perkhidmatan komuniti/sosial) dikekalkan seimbang, kerana kakitangan perlu mematuhi keperluan Universiti.

FPR menitikberatkan suasana kerja yang kondusif dan penglibatan semua warganya termasuk staf akademik dan pentadbiran dalam usaha menjayakan visi,misi, strategi dalam mempertingkatkan kecemerlangan bakat komuniti penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan. Fakulti juga sentiasa menyokong keperluan staf dalam meningkatkan pengetahuan, tahap kemahiran dan kompetensi bagi memantapkan keupayaan staf dalam menjayakan aktiviti penyelidikan dan inovasi serta perkhidmatan komuniti.

Merujuk kepada ekosistem penyelidikan FPR, ia sedikit sebanyak berlandaskan kepada proses PDCA. Sebelum mana-mana program dijalankan, perancangan yang teliti perlu dilakukan. Selepas program dijalankan, maklum balas perlu diambil dan tindakan penambahbaikan perlu menyusul. Di bahagian Penyelidikan & Inovasi, PDCA boleh dilihat dalam proses operasi Faculty of Medicine Research Grant (FMRG), Mini Publication Sabbatical (MPS) dan juga Biostatistics Consultancy Services (BCS).

## **5.2 PENDEKATAN (APPROACH)**

Rajah 5.1 menunjukkan komponen sumber manusia di FPR. Komponen ini merupakan aset penting ke arah melestarikan pembangunan penyelidikan dan penerbitan berimpak tinggi fakulti.

Rajah 5.2 dan 5.3 maklumat bidang dalam Sains Bioperubatan Asas dan Sains Klinikal.

Rajah 5.1 Komponen sumber manusia di Fakulti Perubatan

Rajah 5.2 maklumat bidang dalam Sains Bioperubatan Asas dan Sains Klinikal

Rajah 5.3 Maklumat staf akademik mengikut gred dalam Sains Bioperubatan Asas dan Sains Klinikal

Fungsi utama FPR merangkumi fungsi akademik dan pelajar, pengurusan dan pembangunan sumber manusia, jaringan industri dan alumni, pengajian siswazah dan pengajian klinikal.

Beroperasi dari tiga (3) lokasi berbeza iaitu di Kampus Sungai Buloh, Kampus Selayang, Kampus Puncak Alam dan juga penempatan pelajar untuk *posting clinical* di Kampus Teluk Intan, FPR mempunyai berbagai-bagai jabatan dan unit yang masing-masing mempunyai peranan dan tanggungjawab besar ke arah kecemerlangan Fakulti. Secara umum, Fakulti ini mempunyai tujuh (7) bahagian/jabatan utama iaitu;

1. Bahagian Hal Ehwal Akademik
2. Bahagian Hal Ehwal Pelajar
3. Bahagian Penyelidikan dan Inovasi
4. Bahagian ICAN
5. Bahagian Pasca Siswazah dan Latihan Ikhtisas
6. Bahagian Pentadbiran dan Sumber Manusia
7. Pusat Pengajian Klinikal dan Bukan Klinikal

Bagi menyokong bahagian-bahagian di atas, unit-unit ditubuhkan dengan pelbagai perkhidmatan seperti jadual 5.1

Jadual 5.1 Kaedah Pengurusan Sumber Manusia bagi bidang penyelidikan

Selain itu, Fakulti turut mengoptimakan kepakaran dan pengalaman sumber manusia bagi menjayakan bidang penyelidikan melalui inisiatif *Mini Publication Sabbatical* (MPS) bagi mendorong staf akademik menjalankan penulisan manuskrip dan penyerahan dengan berkesan bagi memastikan hasil penyelidikan disampaikan tepat pada masanya sebagai sumbangan kepada fakulti dan juga untuk perkembangan kerjaya individu.

Ekosistem Penyelidikan FPR juga membuktikan perancangan Fakulti dalam mengoptimakan kepakaran dan pengalaman sumber manusia dalam menjayakan bidang penyelidikan.

Rajah 5.4 Ekosistem Penyelidikan FPR

Ini jelas membuktikan kaedah pengurusan sumber manusia di Fakulti dalam menjayakan bidang penyelidikan.

**SENARAI BUKTI:**

1. [F0040\\_S01\\_SB02\\_20231\\_FPR\\_Lampiran Sumber Manusia Rajah 5.1.pdf](#)
2. [F0040\\_S01\\_SB02\\_20232\\_FPR\\_Lampiran Sumber Manusia Rajah 5.2.pdf](#)
3. [F0040\\_S01\\_SB02\\_20233\\_FPR\\_Lampiran Sumber Manusia 5.3.pdf](#)
4. [F0040\\_S01\\_SB02\\_20234\\_FPR\\_Lampiran Sumber Manusia Jadual 5.1.pdf](#)
5. [F0040\\_S01\\_SB02\\_20235\\_FPR\\_Lampiran Sumber Manusia Rajah 5.3.pdf](#)

### **5.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)**

Selain dari pengajaran, FPR juga mementingkan penyelidikan dengan salah satu misi yang ingin dicapai ialah untuk menyediakan penyelidikan canggih dalam bidang perubatan. Ia menjadi satu tanda aras di kalangan staf untuk menghasilkan inovasi dan mengetengahkan idea-idea kreatif. Penglibatan staf Fakulti dalam pelbagai aktiviti penyelidikan dan seterusnya menghasilkan inovasi sehingga memenangi anugerah pingat emas atau lain-lain pingat di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa, memperlihatkan komitmen dan kesungguhan Fakulti terhadap aktiviti-aktiviti penyelidikan.

Strategi-strategi yang dimulakan untuk mengukuhkan aktiviti penyelidikan dan inovasi di fakulti telah dirancang dengan teliti berdasarkan keperluan ahli fakulti. Analisis jurang telah dilakukan berdasarkan maklum balas yang diterima oleh ahli fakulti dan tiga jurang utama dikenal pasti, iaitu kekurangan masa khusus untuk memberi tumpuan kepada penulisan manuskrip dan kerja berkaitan penyelidikan, kekurangan sokongan dana untuk memulakan penyelidikan untuk ahli fakulti baharu dan idea inovatif yang gagal menjadi kenyataan.

Rajah 5.4 menunjukkan bagaimana pihak pengurusan mengoptimakan kepakaran dan pengalaman sumber manusia dalam menjayakan bidang penyelidikan

Jadual 5.2 menunjukkan perancangan aktiviti Fakulti dalam mengoptimakan kepakaran dan pengalaman sumber manusia bagi menjayakan bidang penyelidikan

Pejabat Penyelidikan & Inovasi, FPR juga bekerjasama dengan Jabatan Perubatan Kesihatan Awam, FPR untuk melancarkan Perkhidmatan Perunding Biostatistik (BCS). BCS menawarkan nasihat dan panduan dalam bidang biostatistik untuk tujuan penyediaan cadangan penyelidikan, analisis data projek penyelidikan untuk tujuan penerbitan, serta meningkatkan pendidikan berterusan melalui program latihan untuk ahli fakulti. Perkhidmatan perundingan ini bertujuan untuk membantu warga fakulti dalam aktiviti penyelidikan mereka.

Rajah 5.5 merupakan pendekatan-pendekatan teknikal untuk Perkhidmatan Perunding Biostatistik.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0040\\_S01\\_SB03\\_20231\\_FPR\\_Lampiran Sumber Manusia Rajah 5.4.pdf](#)
2. [F0040\\_S01\\_SB03\\_20232\\_FPR\\_Lampiran Sumber Manusia Jadual 5.2.pdf](#)
3. [F0040\\_S01\\_SB03\\_20233\\_FPR\\_Lampiran Sumber Manusia Rajah 5.5.pdf](#)
- 4.
- 5.

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **5.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Dalam memastikan FPR menjadi fakulti mempunyai tahap penyelidikan dan penerbitan berimpak tinggi, tahap kepuasan hati serta aduan dari sumber manusia juga turut dititikberatkan.

FPR sentiasa membuat inovasi bagi menghasilkan proses-proses kerja yang dapat memberikan kecekapan dan keberkesanan operasi bagi memastikan proses kerja sentiasa disemak agar memenuhi kepuasan pelanggan. Justeru, borang maklumbalas pelanggan telah dipaparkan di laman web Fakulti menggunakan *Google Form*.

Rajah 5.6 Borang Maklumbalas Pelanggan

Selain itu, tahap kepuasan hati staf terhadap persekitaran dan kerja sekarang juga dilaksanakan melalui pelbagai kaedah. Antara kaedah yang digunakan adalah seperti dalam Jadual 5.3:

Rajah 5.7 Emel Jemputan Sesi Townhall Bersama staf Fakulti Perubatan

Selain itu, bagi proses pemantauan bagi tujuan meningkatkan tahap penyelidikan dan penerbitan staf. FPR melaksanakan pemantauan rekod eLatihan dimana staf yang telah diluluskan untuk menghadiri konferensi atau membentang kertas kerja akan dipantau Sistem Maklumat Analisa & Repotori (Smart)/ Laporan Program oleh pihak Sekretariat Jawatankuasa Persidangan Fakulti seperti rajah 5.8 di bawah.

Rajah 5.8 Sistem Maklumat Analisa & Repotori (Smart)/ Laporan Program

Data-data kepakaran FPR juga dikemaskini dari masa ke semasa supaya maklumat ini mencakupi untuk keperluan MyRA, akreditasi program melalui MQA, akreditasi Hospital melalui MSQH dan lain-lain keperluan universiti.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0040\\_S01\\_SB04\\_SC01\\_20231\\_FPR\\_Lampiran Sumber Manusia Rajah 5.6.pdf](#)
2. [F0040\\_S01\\_SB04\\_SC01\\_20232\\_FPR\\_Lampiran Sumber Manusia Jadual 5.3.pdf](#)
3. [F0040\\_S01\\_SB04\\_SC01\\_20233\\_FPR\\_Lampiran Sumber Manusia Rajah 5.7.pdf](#)
4. [F0040\\_S01\\_SB04\\_SC01\\_20234\\_FPR\\_Lampiran Sumber Manusia Rajah 5.8.pdf](#)
- 5.

#### **5.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)**

FPR telah melaksanakan pengemaskinian maklumat daftar risiko jabatan menggunakan sistem Pengurusan Risiko (e-RMS) agar semakan dan pemantauan berkala dapat dilaksanakan.

Fakulti juga berusaha mengurangkan ketidakpastian yang mungkin berlaku daripada perubahan dalam pengurusan sumber manusia dan pelbagai isu-isu tenaga kerja yang boleh memberi kesan kepada keupayaan untuk memenuhi objektif dan operasi di Fakulti Perubatan.

Antara halangan bagi mencapai objektif dan KPI yang ditetapkan adalah:

**1. Risiko Sumber Manusia:**

- Ketidakcukupan staf dan pengisian semula staf yang meletak jawatan / bersara
- Proses pelantikan perjawatan yang rumit menyebabkan calon menerima tawaran lain

**2. Risiko lokasi**

- FPRkini sedang beroperasi di tiga (3) lokasi berbeza, iaitu di Kampus Sg. Buloh, Selangor sebagai kampus utama, HASA, Kampus Selayang, Selangor dan Kampus Teluk Intan, Perak.

Antara tindakan-tindakan penambahbaikan yang dijalankan bagi mencapai objektif dan sasaran pengurusan sumber manusia ialah:

**1. Risiko Sumber Manusia:**

- Penyediaan maklumat keperluan jawatan Pensyarah mengikut bidang pengajaran berdasarkan Formula Keperluan Pensyarah
- Penambahbaikan proses pelantikan staf termasuk semakan dasar dan prosedur pengurusan sumber manusia

**2. Risiko lokasi**

- Mengadakan mesyuarat berkala bersama pihak HASA antaranya adalah Mesyuarat Jawatankuasa Koordinasi Fakulti Perubatan, Hospital UiTM dan UiTMPSC
- Sesi *Engagement With Clinicians* HASA UITM dan FPR Bersama jabatan seperti rajah 5.9.

**SENARAI BUKTI :**

1. [E0040\\_S01\\_SB04\\_SC02\\_20231\\_FPR\\_Lampiran Sumber Manusia Rajah 5.9.pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

#### **5.4.3 MENGKAJI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)**

Persekutuan kerja dan sistem kerja yang kondusif adalah sangat penting bagi memastikan hasil kerja yang cemerlang. Bagi memastikan persekitaran kerja dan sistem kerja yang kondusif, segala kerja perlu diatur dengan strategik dan setiap kekurangan yang ada dalam sistem kerja perlu diperbaiki.

Selain itu, semasa berkala berkenaan pengurusan fasiliti serta mengoptimumkan penggunaan aset selaras dengan keperluan pembelajaran, pengajaran dan penyelidikan yang kondusif juga sentiasa menjadi perhatian Fakulti.

Bagi memastikan persekitaran kerja dan sistem kerja yang kondusif khususnya bagi tujuan penyelidikan, FPR telah membangunkan unit atau makmal sebagai tempat untuk pengajaran dan pembelajaran kepada pelajar pasca siswazah sebelum memulakan penyelidikan, latihan industri untuk pelajar diploma dan sarjana muda serta memberikan pendedahan awal kepada pelajar lepasan SPM sebelum mendapatkan tempat di universiti luar negara.

Antara kemudahan fasiliti bagi penyelidikan di Fakulti adalah seperti:

- Centre for Neuroscience Research (NeuRon)
- Institute of Medical Molecular Biootechnology (IMMB)
- Department of Pathology
- Centre for Translational Research and Epidemiology (CenTRE)
- Laboratory Animal Care Unit (LACU)

Kemudahan ini juga dibangunkan sebagai penghubung untuk mencapai jaringan integrasi penyelidik klinikal yang berpengalaman dan menyediakan subjek yang berpotensi menyertai penyelidikan dari komuniti. Ia juga membantu FPR menjana pendapatan melalui perkhidmatan ujian klinikal dan ia juga digunakan untuk tujuan penyelidikan.

Rajah 5.10 Centre for Neuroscience Research (NeuRon)

Rajah 5.11 Institute of Medical Molecular Biootechnology (IMMB)

Rajah 5.12 Laboratory Animal Care Unit (LACU)

Kekerapan mesyuarat yang dijadualkan oleh FPR juga menunjukkan komitmen pengurusan dalam bertindak kepada keperluan sumber manusia bagi meningkatkan hasil dalam penyelidikan.

Rajah 5.13 Takwin Mesyuarat FRC dan FERC FPR

Rajah 5.14 Aktiviti yang dianjurkan bagi menyokong keperluan penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan di FPR

Sebagai menyokong budaya penyelidikan di FPR, inisiatif telah dilaksanakan dengan

penyediaan proses penyelidikan dan kewangan bagi tuntutan geran penyelidikan secara dalam talian seperti rajah 5.15.

Rajah 5.15

**SENARAI BUKTI :**

1. [F0040\\_S01\\_SB04\\_SC03\\_20231\\_FPR\\_Lampiran Sumber Manusia Rajah 5.10 5.11 5.12.pdf](#)
2. [F0040\\_S01\\_SB04\\_SC03\\_20232\\_FPR\\_Lampiran Sumber Manusia Rajah 5.13.pdf](#)
3. [F0040\\_S01\\_SB04\\_SC03\\_20233\\_FPR\\_Lampiran Sumber Manusia Rajah 5.14.pdf](#)
4. [F0040\\_S01\\_SB04\\_SC03\\_20234\\_FPR\\_Lampiran Sumber Manusia Rajah 5.15.pdf](#)
- 5.

## **5.5 INTEGRASI (INTEGRATION)**

Rajah 5.16 menunjukkan inovasi yang dilaksanakan di peringkat Fakulti untuk penggunaan ruang dan permohonan perkhidmatan dalam memastikan persekitaran kerja dan sistem kerja yang kondusif.

Rajah 5.16 menunjukkan inovasi yang dilaksanakan di peringkat Fakulti untuk penggunaan ruang dan permohonan perkhidmatan dalam memastikan persekitaran kerja dan sistem kerja yang kondusif.

Selain itu, Fakulti juga telah membangunkan prosedur berkenaan Proses Permohonan *Faculty of*

*Medicine Research Grant* (FMRG). Geran penyelidikan FMRG ini diwujudkan untuk meningkatkan budaya penyelidikan di Fakulti bagi menjana ilmu yang mampu menyumbang terhadap peningkatan tahap intelektual, dan penyuburan budaya penyelidikan yang dinamik selaras dengan aspirasi Fakulti dan universiti. Ia juga merupakan salah satu inisiatif pengurusan bertindak kepada maklumbalas dan keperluan staf.

Rajah 5.17 Garis Panduan Permohonan *Faculty of Medicine Research Grant* (FMRG)

Selain itu, FPR juga telah melaksanakan *Prototype development fund* bagi menampung keperluan staf yang mempunyai idea inovasi untuk membangunkan prototype yang pertama.

Rajah 5.18 *Prototype development fund*

Setiap tahun, FPR juga menganjurkan International Medical Innovation Competition.

Rajah 5.19 International Medical Innovation Competition

Inovasi yang terhasil ini bertujuan untuk memantapkan aspek penyelidikan dan penerbitan ke arah penyelidikan yang berimpak tinggi dan menjadi budaya penyelidikan kepada semua staf Fakulti Perubatan.

Selaras dengan membudayakan Penyelidikan, Penerbitan dan Perkomersilan di Fakulti Perubatan, pengurusan telah memberikan penghargaan dan pengiktirafan kepada staf dalam pelbagai kaedah. Antaranya pemakluman dan ucapan tahniah kepada semua warga dan Majlis Apresiasi Staf yang diadakan setiap tahun.

Rajah 5.20 Pemakluman dan Ucapan Tahniah Kepada Semua Warga

### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0040\\_S01\\_SB05\\_20231\\_FPR\\_Lampiran Sumber Manusia Rajah 5.16.pdf](#)
2. [F0040\\_S01\\_SB05\\_20232\\_FPR\\_Lampiran Sumber Manusia Rajah 5.17.pdf](#)
3. [F0040\\_S01\\_SB05\\_20233\\_FPR\\_Lampiran Sumber Manusia Rajah 5.18.pdf](#)
4. [F0040\\_S01\\_SB05\\_20234\\_FPR\\_Lampiran Sumber Manusia Rajah 5.19.pdf](#)
5. [F0040\\_S01\\_SB05\\_20235\\_FPR\\_Lampiran Sumber Manusia Rajah 5.20.pdf](#)

## **KRITERIA 6 : TUMPUAN KEPADA OPERASI**

### **6.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Strategi-strategi yang dimulakan untuk mengukuhkan aktiviti penyelidikan dan inovasi di fakulti telah dirancang dengan teliti berdasarkan keperluan ahli fakulti. Analisis jurang telah dilakukan berdasarkan maklum balas yang diterima oleh ahli fakulti dan tiga jurang utama dikenal pasti, iaitu kekurangan masa khusus untuk memberi tumpuan kepada penulisan manuskrip dan kerja berkaitan penyelidikan, kekurangan sokongan dana untuk memulakan penyelidikan untuk ahli fakulti baharu dan idea inovatif yang gagal menjadi kenyataan. Strategi berikut iaitu FMRG, MPS, BCS, RC dan PF telah dilaksanakan untuk merapatkan jurang yang dikenalpasti. Prosedur FMRG, MPS, RC dan PF telah disemak dan disahkan oleh pengurusan fakulti dan diuruskan terutamanya oleh Pejabat Penyelidikan dan Inovasi. FMRG mengadaptasi garis panduan geran dalaman dan cadangan tidak dikenali dan disemak oleh penyemak luar dengan 10 cadangan pemarkahan teratas diberikan RM20,000 (MPK: FPR-PTD-PYD-P-001-010). KPI untuk FMRG ialah jumlah geran yang dibelanjakan dan hasil penyelidikan yang dicapai. Prosedur MPS (MPK: FPR-PYD-PJI-P-018) dilakukan bertujuan untuk memberi cuti 2 minggu tugas rasmi kepada ahli fakulti untuk penulisan manuskrip. Permohonan disemak oleh Jawatankuasa Pemantauan PhD dan Sabatikal dan disahkan oleh PPSM. Perjanjian ditandatangani oleh pemohon dan pemantauan KPI dilakukan oleh Pejabat Penyelidikan. KPI MPS ialah bilangan manuskrip yang dihantar tepat pada masanya dan KPI sekunder ialah peratusan manuskrip yang berjaya diterbitkan dalam jurnal berindeks. BCS telah ditubuhkan bersama dengan Jabatan Kesihatan Awam dan Pejabat Penyelidikan dengan objektif untuk mendidik ahli fakulti tentang amalan penyelidikan yang baik dan perundingan statistik. KPI inisiatif ini termasuk penjanaan pendapatan, dan bilangan kehadiran. Program RC diselaraskan oleh Pejabat Penyelidikan. Helaian google disediakan sebagai komunikasi utama dengan ketua jabatan untuk menempah RC untuk jabatan masing-masing untuk tempoh 2 minggu yang mana hasilnya ialah bilangan manuskrip yang diserahkan, penjanaan pangkalan data atau cadangan penyelidikan yang disediakan.

## **6.2 PENDEKATAN (APPROACH)**

Pada tahun 2021, beberapa aktiviti telah dirancang untuk menyediakan suasana kondusif untuk penyelidikan bagi warga fakulti. Perancangan yang telah dibuat tertumpu kepada empat (3) bidang utama yang memberi impak besar kepada fakulti iaitu geran penyelidikan, penerbitan, inovasi dan kesedaran MyRA seperti yang dinyatakan di dalam **Lamiran A**.

Untuk melaksanakan perancangan seperti di dalam **Lamiran A**, beberapa strategi telah dirancang dan dilaksanakan seperti diuraikan dalam **Lamiran A**.

Antara proses pendekatan yang telah dijalankan oleh bahagian PI untuk membantu pensyarah serta penyelidik ialah *Faculty of Medicine Research Grant* (FMRG). Inisiatif ini dimulakan pada tahun 2021 yang mana diwar-warkan kepada staf akademik berkaitan pembukaan geran ini pada penghujung tahun 2020. Kertas cadangan penyelidikan dengan markah sepuluh tertinggi dipilih oleh pihak fakulti. Pemarkahan dibuat oleh peniliai UiTM dan luar UiTM. Cadangan penawaran geran ini telah diluluskan oleh Mesyuarat Pengurusan Fakulti (MPF) dimana peruntukan bajet adalah sebanyak RM 200,000 setahun bagi 10 penerima geran ini dan setiap penerima akan menerima RM20,000. Tempoh geran ini adalah selama dua tahun. Penilaian akan dibuat setiap 6 bulan melalui laporan kemajuan geran projek penyelidikan yang dimohon kepada penerima-penerima geran. Geran penyelidikan FMRG ini diwujudkan untuk meningkatkan budaya penyelidikan di Fakulti bagi menjana ilmu yang mampu menyumbang terhadap peningkatan tahap intelektual, dan penyuburan budaya penyelidikan yang dinamik selaras dengan aspirasi Fakulti dan universiti.

Proses operasi lain ialah *Mini Publication Sabbatical* (MPS). Terdapat banyak permintaan di kalangan pensyarah untuk menggunakan masa mereka bagi menjalankan urusan akademik lain seperti penerbitan. Walau bagaimanapun, ia juga ditekankan bahawa satu hari dalam seminggu mungkin tidak berkesan dalam mengekalkan kesinambungan kemajuan kerja untuk penulisan manuskrip. Untuk mengatasinya, “*Mini Publication Sabbatical* (MPS)” telah disediakan bagi membolehkan masa yang lebih khusus untuk menyiapkan aspek penulisan manuskrip. Objektif inisiatif ini adalah untuk menggalakkan ahli fakulti melaksanakan penulisan dan penyerahan manuskrip dengan berkesan dan lancar bagi memastikan hasil penyelidikan disampaikan tepat pada masanya sebagai sumbangan kepada fakulti.

*Biostatistics Consultation Services* (BCS) adalah merupakan inisiatif kerjasama antara Bahagian PI dan Jabatan Perubatan Kesihatan Awam. BCS ditubuhkan untuk menyediakan perkhidmatan perangkaan kepada ahli fakulti, pelajar pascasiswazah dan sarjana muda dengan cara untuk menyokong aktiviti penyelidikan dalam fakulti. BCS menawarkan nasihat dan bimbingan tentang biostatistik bagi tujuan penyediaan cadangan penyelidikan, analisis data projek penyelidikan untuk tujuan penerbitan, serta meningkatkan pendidikan berterusan melalui program latihan untuk ahli fakulti. Perkhidmatan perundingan ini bertujuan untuk mewujudkan persekitaran penyelidikan yang kondusif dalam fakulti.

Inisiatif Research Coordinator (RC) pula memberi peluang kepada warga jabatan di fakulti untuk Inisiatif RC adalah peluang untuk menempah slot dengan RC yang dilantik untuk membantu dengan aspek teknikal aktiviti penyelidikan seperti garis panduan penyerahan manuskrip, pembinaan data penyelidikan dan kriteria geran.

Dana penerbitan (PF) pula adalah untuk membantu ahli fakulti yang tiada peruntukan geran untuk penerbitan supaya dapat membayar yuran penerbitan jurnal berimpak tinggi dan berindeks. Ini bertujuan untuk meningkatkan penerbitan jurnal berindeks dan berimpak tinggi di fakulti.

Disertakan bukti-bukti garispanduan bagi inisiatif-inisiatif tersebut di **Lamiran B, C, D dan E**.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0040\\_O01\\_OB02\\_20231\\_Lamiran A.pdf](#)

2. [F0040\\_O01\\_OB02\\_20232\\_Lampiran B\\_Faculty of Medicine Mini Sabbatical Guideline.pdf](#)
3. [F0040\\_O01\\_OB02\\_20233\\_Lampiran C\\_GARIS PANDUAN FMRG.pdf](#)
4. [F0040\\_O01\\_OB02\\_20234\\_Lampiran D\\_BCS \(SOP\).pdf](#)
5. [F0040\\_O01\\_OB02\\_20235\\_Lampiran E\\_Publication Fund.pdf](#)

### **6.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)**

PDCA bagi strategi-strategi mengukuhkan penyelidikan adalah seperti berikut:

#### **PDCA FMRG: (Lampiran A)**

*Plan:* Kertas kerja FMRG dan perbincangan di peringkat MPF diadakan dan diluluskan. Takwim FMRG dan penyediaan templat surat kepada penilai dan pemenang geran serta pangkalan data FMRG disediakan 3 bulan sebelum pelancaran.

*Do:* Permohonan FMRG dinilai oleh panel UiTM dan luar UiTM yang dilantik oleh fakulti. Surat kelulusan akan dikeluarkan oleh Pejabat Penyelidikan dan Inovasi (P&I) fakulti. Penyelidik menandatangani borang penerimaan geran sebelum memulakan penyelidikan dan mereka juga wajib menghadiri taklimat penggunaan dan perbelanjaan geran FMRG sebelum memulakan penyelidikan.

*Check:* Geran FMRG dipantau oleh Pejabat P&I di mana kriteria prestasi kewangan mestilah melebihi 60% bagi penggal pertama dan melebihi 90% keseluruhan projek penyelidikan sebelum tamat projek, mencapai penerbitan jurnal berindeks SCOPUS dan/ atau WoS dan penghasilan harta intelek dipantau.

*Action:* Borang tamat projek dihantar oleh setiap ketua projek kepada Bahagian Penyelidikan dan Inovasi Fakulti Perubatan setelah tamat tempoh projek. Surat pengesahan penerimaan borang tamat projek dan/atau surat pengesahan penerimaan laporan akhir projek penyelidikan akan dikeluarkan oleh Pejabat P&I setelah menerima borang tamat projek yang lengkap daripada ketua projek.

#### **PDCA MPS: (Lampiran B)**

*Plan:* Kertas kerja MPS dibincang, dihalusi dan disokong di MPF. Pensyarah membuat permohonan dengan mengisi borang MPS. Ketua Jabatan menyemak dan mengesahkan permohonan di jabatan bagi memastikan pengajaran dan perkhidmatan tidak terjejas.

*Do:* Jawatankuasa Pemantauan PhD dan Sabatikal Fakulti menyemak dan mengesahkan permohonan dan diluluskan oleh PPSM. Pensyarah menandatangani perjanjian sebelum memulakan MPS.

*Check:* Bukti penyerahan manuskrip ke jurnal berindeks dihantar ke Pejabat P&I dalam tempoh yang dipersetujui. Maklumat dikemas kini dalam pangkalan data MPS untuk pantauan lanjut.

*Action:* Ketepatan masa penghantaran manuskrip dan kejayaan penerbitan seterusnya dipantau oleh Pejabat P&I.

#### **PDCA BCS: (Lampiran C)**

*Plan:* Jabatan Kesihatan Awam bekerjasama dengan Pejabat P&I untuk melaksanakan BCS. Prosedur kerja telah disediakan untuk melancarkan inisiatif ini.

*Do:* Pensyarah/ pelajar mengisi serta memilih tarikh temu janji terlebih dahulu dengan mengisi borang di *Google Form*.

*Check:* Pengesahan tarikh yang telah dipilih akan di hantar menerusi emel serta pautan Google Meet akan diberikan.

*Action:* Pihak AJK BCS akan memberi pilihan masa kepada peserta-peserta untuk di isi dengan menunggu giliran masing-masing. Tempoh selama 30 minit akan diberikan kepada setiap peserta.

#### **PDCA Dana Penerbitan: (Lampiran D)**

*Plan:* Garis panduan keperluan untuk permononan dana penerbitan telah dibentangkan kepada ahli fakulti semasa mesyuarat fakulti dan dimasukkan ke dalam borang permohonan untuk rujukan.

*Do:* Pensyarah menyerahkan borang permohonan serta bahan bukti kepada jawatankuasa penyelidikan untuk kelulusan. Pejabat Bendahari memproses permohonan yang diluluskan.

*Check:* Bukti penerimaan manuskrip oleh jurnal, indeks jurnal, bayaran yuran penerbitan dan tiada geran pembiayaan untuk penerbitan diserahkan kepada Jawatankuasa Penyelidikan sebelum diluluskan pembiayaan.

*Action:* Maklumbalas daripada Jawantankuasa Penyelidikan untuk menambahbaik prosedur Dana Penerbitan diteliti dan digunakan

#### **PDCA Research Coordinator: (Lampiran E)**

*Plan:* Kertas kerja dibentang, diperhalusi dan diluluskan di MPF. Taklimat diberi kepada ketua-ketua jabatan.

*Do:* Ketua jabatan (KJ) berbincang di peringkat jabatan perancangan aktiviti penyelidikan. KJ akan menempah RC untuk tempoh 2 minggu melalui google sheet.

*Check:* KPI RC diringkaskan dalam pangkalan data.

*Action:* Proses ditambahbaik melalui maklumbalas ketua-ketua jabatan.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0040\\_O01\\_OB03\\_20231\\_Lampiran A\\_FMRG Database.pdf](#)
2. [F0040\\_O01\\_OB03\\_20232\\_Lamiran B\\_MPS Database.pdf](#)
3. [F0040\\_O01\\_OB03\\_20233\\_Lampiran C\\_BCS data.pdf](#)
4. [F0040\\_O01\\_OB03\\_20234\\_Lampiran D\\_Publication Fund Database.pdf](#)
5. [F0040\\_O01\\_OB03\\_20235\\_Lampiran E\\_RC Database.pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **6.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Berikut adalah unjuran output yang ingin dicapai oleh fakulti dengan pelaksanaan strategi yang diringkaskan (**Lampiran A**):

**FMRG:** Fakulti menyasarkan untuk mencapai KPI fakulti sebanyak RM 3 juta dengan FMRG menyumbang RM200,000 kepada KPI utama. KPI setiap FMRG adalah 1 penerbitan berindeks dan 1 IPR di mana setiap 2 tahun, 10 penerbitan berindeks dan 10 IPR akan dihasilkan.

**MPS:** Fakulti menyasarkan untuk mencapai 10 penyerahan manuskrip yang berjaya dan 40% daripadanya yang berjaya diterbitkan setiap tahun.

**Dana Penerbitan:** Fakulti menyasarkan untuk mencapai KPI yang disasarkan untuk penerbitan berindeks dan penerbitan berimpak tinggi yang ditetapkan oleh universiti kepada fakulti.

**BCS:** Inisiatif ini bertujuan untuk menambah baik cadangan penyelidikan dan manuskrip penyelidikan untuk memenuhi KPI yang disasarkan untuk geran nasional, antarabangsa/industri dan penerbitan berindeks dan berimpak tinggi.

**RC:** RC memberi sumbangan kepada aktiviti penyelidikan di peringkat jabatan di mana KPI yang ditetapkan adalah 90% daripada tugas yang diberikan oleh jabatan dari segi penyediaan/penyerahan manuskrip yang berjaya, pembinaan data penyelidikan dan/atau penyediaan teknikal cadangan geran.

Sistem hasil Fakulti Perubatan seperti *Research Management Institute Reporting System (iReS)*, *Integrated Research Management Institute Service (iRMIs)* dan *Portal for Research and Innovation Management (PRIME)* juga dipakai guna untuk proses pemantauan.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0040\\_O01\\_OB04\\_OC01\\_20231\\_Lampiran A\\_Output and Risk Mitigation Plans.pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

#### **6.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)**

Berikut adalah risiko yang dikenalpasti bagi setiap inisiatif yang diringkaskan dan cara-cara mengatasinya:

##### **FMRG:**

Risiko - 1) Kegagalan mengoptimumkan pemberian dan 2) Kegagalan mencapai hasil penyelidikan sasaran

Pengurangan risiko - 1) Menyediakan pangkalan data untuk laporan kemajuan projek setiap 6 bulan dan dipantau oleh Pejabat P&I, 2) Dana dikembalikan jika tiada kemajuan

##### **MPS:**

Risiko - Kegagalan menyiapkan manuskrip dalam masa MPS

Pengurangan risiko - 1) Perjanjian ditandatangani antara pihak fakulti (Dekan) dan pemohon untuk memastikan manuskrip disiap dan dierah kepada penerbit dalam jangkamasa yang ditetapkan, 2) Taklimat oleh Timbalan Dekan R&I sebelum memulakan MPS dan 3) Pemantauan berkala terhadap kemajuan MPS oleh Pejabat P&I.

##### **Dana Penerbitan:**

Risiko - 1) Tersalah membayai jurnal tidak diindeks/ pemangsa dan 2) Bayaran terlalu tinggi untuk penerbitan

Pengurangan risiko - 1) Pejabat P&I menapis semua permohonan untuk memastikan jurnal disenaraikan sama ada dalam WoS/SCOPUS/MyCITE, 2) Pemakluman kriteria dana semasa mesyuarat fakulti/ mesyuarat Ketua Jabatan untuk memastikan maklumat disampaikan dengan betul dan 3) Garis panduan yang sedia ada pada borang permohonan dan bukti kriteria perlu dikemukakan bersama borang permohonan.

##### **BCS:**

Risiko -1) Bilangan tempahan BCS konsultasi yang rendah dan 2) Kurang peserta ke siri webinar BCS

Pengurangan risiko - 1) Jawatankuasa Korporat akan mengiklankan aktiviti-aktiviti BCS 2. Pemakluman aktiviti-aktiviti BCS diwar-warkan semasa mesyuarat fakulti dan mesyuarat Ketua Jabatan dan 3) Jabatan Pascasiswazah fakulti akan mengetengahkan kepada pelajar pascasiswazah berkenaan BCS.

##### **RC:**

Risiko - 1) Tidak menyiapkan tugas tepat pada masanya dan 2) Tempahan berganda RC mengikut jabatan

Pengurangan risiko - 1) Menyediakan google sheet yang boleh diakses oleh HOD untuk membuat tempahan. Tarikh yang ditempah adalah telus untuk dilihat oleh semua supaya tempahan berganda tidak berlaku dan 2) Kriteria tugas maksimum yang boleh diberikan kepada RC telah ditetapkan untuk memastikan RC dapat menyelesaikannya tepat pada masanya.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0040\\_O01\\_OB04\\_OC02\\_20231\\_Lampiran A\\_Output and Risk Mitigation Plans.pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.

5.

#### **6.4.3 MENGKAJI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)**

Kajian semula dikendalikan pada penghujung tahun untuk melihat semula apa yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2022. Instrumen, hasil data analisis dan pemantauan akan dikaji semula. Aktiviti-aktiviti yang mendatangkan hasil yang positif dikekalkan dan pengendalian yang lebih inovatif dibincangkan dalam bengkel kajian semula.

Kajian semula juga mempertimbangkan penghasilan innovasi. Antaranya ialah mengwar-warkan program MPS kepada pensyarah di fakulti melalui emel serta laman web. Hal ini dapat membantu lebih ramai pemohon di kalangan pensyarah untuk menerbitkan manuskrip mereka dan mencapai KPI setiap individu. Secara tidak langsung, dapat meningkatkan jumlah hasil penerbitan fakulti dan mendorong lebih ramai pensyarah untuk menghasilkan manuskrip.

Selain daripada itu, kepada penyelidik yang tidak berjaya untuk mendapatkan projek di bawah FMRG, pihak Bahagian PI akan berusaha membantu mereka dalam menambah baik kertas cadangan projek supaya mereka boleh memohon untuk geran lain yang dikeluarkan oleh pihak RMC. Pengiklanan geran-geran boleh didapati di laman web iaitu rmc.uitm.edu.my.

#### **SENARAI BUKTI :**

- 1.
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

## **6.5 INTEGRASI (INTEGRATION)**

Penambahbaikan bagi pengurusan operasi fakulti sentiasa dilakukan menggunakan kaedah PDCA. Segala proses bagi PPP sentiasa mengikut proses yang sepatutnya dan ini telah menjadi suatu budaya di fakulti. Inovasi yang dapat dilihat berdasarkan pemantauan dan analisa maklum balas pensyarah bagi melicinkan proses berkaitan PPP adalah seperti kewujudan MPS yang memberi ruang masa kepada warga fakulti untuk menulis manuskrip. Hal tersebut dapat meningkatkan hasil penerbitan berindeks dimana ianya adalah untuk mencapai sasaran penerbitan fakulti. Di samping itu, dengan bantuan daripada *Research Coordinator (RC)* juga dapat membantu warga fakulti berkaitan dengan proses-proses penyelidikan dan penulisan manuskrip dari segi sokongan teknikal.

### **SENARAI BUKTI :**

- 1.
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

## **KRITERIA 7 : HASIL UTAMA**

### **7.1 HASIL UTAMA 1**

Hasil utama inisiatif-inisiatif untuk memperkasakan penyelidikan di fakulti adalah untuk mencapai sasaran KPI yang telah diberi oleh universiti dari segi KPI penyelidikan di mana telah dilihat ada peningkatan hasil penyelidikan mulai tahun 2020 hingga 2022 dan di mana > 50% KPI telah mencapai sasaran.

#### **7.1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

RIGorous adalah inisiatif fakulti untuk melakukan strategi-strategi bagi mencapai KPI fakulti untuk penyelidikan. KPI RIGorous adalah dalam lingkungan 14 dan merangkumi bilangan penerbitan, penyiasat utama, jumlah geran dan penerbitan buku. Jadual (Lampiran A) meringkaskan pencapaian RIGorous. Dapat dilihat bahawa setelah inisiatif-inisiatif untuk memperkuuhkan penyelidikan di fakulti bermula, lebih daripada 50% daripada KPI telah mencapai 100%.

#### **7.1.2 TAHAP(Level)**

BUKTI : [H1\\_F0040\\_HB02\\_20231\\_AKNC Output.pptx.pdf](#)

#### **7.1.3 TREN (Trend)**

BUKTI : [H1\\_F0040\\_HB03\\_20232\\_RIGorous \(2020-2022\).pdf](#)

#### **7.1.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)**

BUKTI : [H1\\_F0040\\_HB04\\_20233\\_RIGorous \(2020-2022\).pdf](#)

#### **7.1.5 KEPENTINGAN (Importance)**

BUKTI : [H1\\_F0040\\_HB05\\_20234\\_AKNC Output.pptx.pdf](#)